

قَتِيْن تِيْتَه

PETIKAN TITAH

"KITA perlu mengorak langkah lebih pantas untuk mengatasi jika ada sebarang kelambatan atau kegagalan kita mencapai sasaran. Kerana kelambatan atau kegagalan itu sangat buruk akibatnya kepada negara."
- Titah Sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Keenam Majlis Mesyuarat Negara.



Pelita BRUNEI Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسن ايمان MANISNYA IMAN

"PADA hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmat-Ku kepada kamu dan Aku telah redakan Islam itu menjadi agama untuk kamu."
- (Firman Allah Subhahahu Wata'ala dalam Surah Al Maa-idah, ayat 3)

Waktu Sembahyang

Table with prayer times: IMSAK 5.02, SUBUH 5.12, SYURUK 6.29, DUHA 6.52, ZUHUR 12.32, ASAR 3.46, MAGHRIB 6.33, ISYAK 7.42

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 62 / BILANGAN 29

8 MAC 2017 / 1438 جمادى الآخير 9

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

Zon Perdagangan Bebas diperkenalkan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi (Lihat muka 3, 4, 12 dan 13).

Laporan : Noriah Haji Abdul Hamid, Abdullah Asgar
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Hamzah Mohidin, Hernie Suliana Haji Othman, Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah bahawa baginda telah pun memperkenalkan untuk diwujudkan Zon Perdagangan Bebas (Free Trade Zone).

Dengan wujudnya zon itu titah baginda, akan memudahkan lagi aktiviti pelaburan terutama dalam sektor pembuatan.

Baginda bertitah demikian pada Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Titah baginda, satu lagi keutamaan kerajaan baginda ialah meningkatkan nilai dan prestasi syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLCS).

Syarikat-syarikat itu titah baginda, termasuk syarikat-syarikat yang ditubuhkan melalui usaha sama dengan pelabur-pelabur asing akan mampu untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara, khususnya di sektor bukan minyak dan gas.

Ke muka 3

Ukur tahap pencapaian negara

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri bersabda, seiring dengan usia musabaqah yang kini mencecah 57 tahun, setentunya banyak pengalaman telah diraih dalam mengendalikan dan menambah nilai impak acara keagamaan di peringkat negara. Justeru, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dalam sabdanya menyatakan, pengalaman yang banyak tersebut seyogianya dijadikan sukut-sukat pada

mengukur tahap pencapaian kita di negara ini khususnya dari aspek mutu pembacaan Al-Quran.

Dalam masa yang sama, berbagai musabaqah membaca dan menghafal Al-Quran telah dianjurkan bagi memartabatkan sumbangan negara termasuk peringkat belia serantau.

"Alhamdulillah, qari dan qariah kita juga tidak terkecuali menyertai musabaqah di luar negara. Penyertaan aktif mereka telah mengetengahkan nama negara dalam arena musabaqah membaca dan menghafal Al-Quran serantau dan antarabangsa," sabda DYTMM semasa berkenan berangkat merasmikan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Dalam hal itu, DYTMM sukacita mengambil maklum bahawa negara kita telah diundang untuk menyertai lebih tiga puluh musabaqah membaca dan menghafal Al-Quran setiap tahun.

DYTMM juga percaya, musabaqah-musabaqah yang dianjurkan setentunya memantapkan lagi ukhawah di kalangan umat Islam sejagat.

"Jalinan persaudaraan tersebut telah juga menyumbang kepada pengukuhan persahabatan di kalangan negara-negara penganjur. Seterusnya ianya dapat memupuk persefahaman sejagat sesuai dengan kesucian Al-Quran sebagai kitab yang diturunkan untuk manfaat seluruh umat manusia," tegas DYTMM.

DYTMM seterusnya menyarankan

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

agar melihat setiap penyertaan adalah juga penyertaan bagi menyukat tahap pencapaian masing-masing. Dalam erti kata lain, peserta-peserta kita adalah beradu atau bertanding mutu dan prestasi kebolehan mereka dengan peserta-peserta yang sama

hebat lainnya. "Untuk itu, mereka mestilah berprestasi tinggi membaca atau menghafal kerana penyertaan mereka bukan hanya semata-mata untuk pendedahan atau menimba pengalaman," tegas DYTMM lagi.

IKUTI KAMI DI



infodept.bn



@Infodept\_bn



Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri

# Keluaran sumber-sumber utama dan pelancongan dilipatgandakan

Bismillahir Rahmannir Rahim  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh

**A**LHAMDULILLAH, bersyukur kita ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan hidayah-Nya jua, kita semua dapat berkumpul beramai-ramai di pagi yang mulia ini bagi Sesi Permuzakarah di antara Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian dengan pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP).

Bagi pihak KSSUP, peramba / kaola / saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat di atas lantikan sebagai Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) dan terima kasih jua kerana meluangkan masa berkunjung ke KSSUP bagi Sesi Permuzakarah pagi ini, iaitu bagi berkongsi maklumat-maklumat dan percambahan fikiran mengenai pembangunan sektor sumber-sumber utama dan pelancongan di negara ini.

Peramba / kaola / saya percaya bahwasanya Sesi Muzakarah pada pagi ini, akan dapat memberikan penerangan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat berhubung dengan program dan perancangan, aktiviti-aktiviti serta perkembangan dan status masa kini sektor sumber-sumber utama dan pelancongan secara amnya. Sesi seumpama ini juga merupakan peluang terbaik untuk kita sama-sama bersua kenal, berinteraksi dan bertukar-tukar pendapat ke arah mengembangkan dan memajukan lagi sektor sumber-sumber utama dan pelancongan di negara ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, baru-baru ini pihak KSSUP telah melancarkan 'Pelan Strategik KSSUP 2016 - 2020'. Visi KSSUP ialah 'Ke Arah Pertumbuhan Pesat Keluaran Industri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan Sehingga Mampu Menyumbang Kepada Pertumbuhan Ekonomi demi Mencapai Wawasan Brunei 2035'. Sementara misinya pula ialah 'Menerajui pertumbuhan keluaran industri sumber-sumber utama dan pelancongan untuk menjadi penyumbang yang signifikan kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dengan menggalakkan pelaburan dari dalam dan luar negara, dan dengan memberi penekanan kepada peningkatan produktiviti, penggunaan teknologi tinggi, serta memfokus kepada pasaran eksport'. Pelan Strategik itu juga telah menggariskan beberapa program dan perancangan yang akan dikendalikan oleh pihak kementerian ini.

Peramba / kaola / saya tidak akan menyentuh mengenainya dengan panjang lebar di sini, perkara ini akan disampaikan oleh Yang Mulia Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali, Timbalan Setiausaha Tetap (Pelancongan) pada agenda kita seterusnya nanti.

Walau bagaimanapun, sukacita dimaklumkan bahawa antara asas utama Pelan Strategik Kementerian Sumber-Sumber Utama adalah titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan



**MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong semasa berucap pada Sesi Muzakarah di antara Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan Bersama dengan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara pada hari Khamis, 12 Jamadilawal 1438 Hijrah bersamaan 9 Februari 2017 Masihi bertempat di Dewan Setia Pahlawan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.**

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu bersempena menyambut Awal Tahun Masihi 2016 yang lalu, yang antara lainnya menyentuh mengenai pertumbuhan ekonomi yang agak perlahan, dan mengenai perlunya kita mengandakan usaha untuk meningkatkan keluaran dalam negara terutama dari sektor bukan minyak dan gas, iaitu melalui peningkatan produktiviti, dan juga mengenai keperluan bagi pengeluaran-pengeluaran kita mensasarkan pasaran eksport bagi menjamin pertumbuhan yang berterusan. Dengan cara ini, titah baginda, diharap kita akan dapat memulihkan pertumbuhan KDNK kita. Peramba / kaola / saya kira perkara yang ditekankan oleh baginda ini akan tetap relevan dan ianya juga telah menjadi garis panduan pihak kementerian ini.

Pelan Strategik kementerian ini bukanlah hanya untuk disebut-sebut sahaja akan tetapi perlunya pelaksanaan yang agresif ke arah mencapai sasaran yang ditetapkan. Peramba / kaola / saya akui bahawa ini merupakan satu cabaran besar yang tentunya memerlukan kesungguhan dan komitmen pihak KSSUP di kesemua peringkat, dan termasuklah juga penglibatan daripada berbagai pihak yang berkepentingan, seperti peladang-peladang sama ada sektor pertanian, penternakan, perikanan, perhutanan dan pengusaha-pengusaha di sektor pelancongan.

Ingin peramba / kaola / saya jelaskan di sini bahawa matlamat kementerian ini ke arah memperlipatgandakan keluaran sumber-sumber utama dan pelancongan boleh dicapai melalui beberapa pendekatan seperti

penyertaan bersama pihak kerajaan dan pihak swasta dalam melaksanakan sesuatu projek dengan berasaskan PPP (Public-Private Partnership), *outsourcing* dan sebagainya. Amnya, semua usaha kementerian adalah berlandaskan kepada empat (4) teras utama, iaitu pertumbuhan ekonomi (*growth*); peningkatan produktiviti; peningkatan eksport dan peningkatan kedayatahan (*sustainability*). Apa yang peramba / kaola / saya nyatakan di sini akan dijelaskan lebih lanjut dalam sesi taklimat yang menyusul selepas ini.

Bagi tahun 2017 hingga 2020, saya berharap lebih banyak lagi *action* dari *planning* akan dilaksanakan oleh pihak kementerian ini, iaitu dengan kerjasama peladang-peladang dan pengusaha pelancongan, asalkan sahaja *action* kita itu masih akan menyumbang kepada pertumbuhan keluaran atau KDNK yang mana selaras dengan objektif pelan strategik kementerian jua. Kita juga telah mengeluarkan banyak RFP sepanjang 2016, maka bagi tahun 2017 ini adalah ditumpukan kepada *action*, iaitu bagi mengaward tanah-tanah pertanian dan perikanan dan pelancongan kepada penender yang berjaya dan memastikan pengusaha atau penender yang berjaya dalam RFP ini akan menjalankan aktiviti-aktiviti mereka dengan segera ke atas tanah, sungai dan laut yang kita *award* itu.

Berkaitan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia jua, pendekatan yang kita perkenalkan dalam usaha untuk mempergiatkan aktiviti-aktiviti pengeluaran industri sumber-sumber utama dan pelancongan adalah melalui peningkatan produktiviti. Peningkatan produktiviti ialah satu cara untuk mempercepatkan lagi pertumbuhan dalam pengeluaran, mengurangkan unit kos dan mempertingkatkan lagi daya saing keluaran pengusaha-pengusaha kita demi untuk menembusi pasaran eksport. Maka, ianya adalah penting supaya teknologi baharu, teknik-teknik moden, inovasi dan automasi dalam usaha meningkatkan pengeluaran produk dan perkhidmatan dapat diguna pakai secara meluas.

Melalui peningkatan produktiviti ini, keluaran sektor pertanian, perikanan dan perhutanan yang bernilai lebih kurang BND510 juta pada tahun 2015, insyaaAllah akan ditingkatkan kepada BND1.80 bilion menjelang tahun 2020, iaitu pertambahan lebih 3 kali ganda. Ini berarti KDNK sektor pertanian dan perikanan juga insyaaAllah, akan meningkat dari kurang BND200 juta pada tahun 2015 kepada sekitar BND1 bilion menjelang tahun 2020. Dari segi sumbangan kepada KDNK, sektor pertanian, perikanan dan perhutanan dijangka akan menyumbang 4 - 5% KDNK pada tahun 2020, berbanding menyumbang hanya 1% KDNK pada tahun 2015. Kementerian juga mempunyai sasaran di mana pada tahun 2020, sektor sumber-sumber utama dan pelancongan berpotensi untuk menjana peluang-peluang pekerjaan, iaitu sektor pertanian sekitar 4,000; sektor perikanan 2,000; sektor perhutanan 360 dan sektor pelancongan 330 peluang pekerjaan.

Ke muka 17

Dari Sidang  
Pengarang.

8 MAC 2017 BERSAMAAN 1438 جمادى الآخيرة 9

**JADIKAN NEGARA DESTINASI PERDAGANGAN DAN PELABURAN YANG MENARIK**

**M**ESYUARAT Pertama dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara (MMN) telah dibuka rasmi dengan penuh adat dan tradisi. Dengan bermulanya musim permesyuaratan ini, pelbagai isu-isu mustahak akan dibahas demi kemakmuran dan kesejahteraan penduduk dan rakyat di negara ini jua.

Antara isu mustahak, seperti titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiyah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada majlis membuka rasmi musim permesyuaratan berkenaan, ialah yang berkaitan dengan ekonomi.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kita semua sudah maklum, bahawa keadaan ekonomi dunia terus mengalami ketidakpastian, walaupun pada akhir-akhir ini harga minyak dunia menunjukkan tanda-tanda positif. Namun begitu, baginda mengingatkan kita masih perlu berwaspada kerana harga minyak dunia dijangka berada pada paras yang rendah tanpa mungkin dijangka berlanjutan. Disebabkan ini, kerajaan baginda perlu terus giat untuk mempelbagaikan ekonomi negara, titah baginda.

Dalam usaha mempelbagaikan ekonomi, sejak kebelakangan ini, usaha ke arah ini sudah mula memaparkan kesannya, walaupun hasil yang diraih masih memerlukan masa.

Sektor perekonomian terus mendapat perkembangan yang positif dengan banyak pelabur asing memberikan perhatian terhadap potensi negara ini sebagai destinasi pelaburan yang berdaya maju. Di samping itu juga, beberapa projek Pelaburan Langsung Asing akan mula beroperasi, manakala ada yang sudah di tahap pelaksanaan, dan ada beberapa cadangan pelaburan baharu masih dalam penelitian. Ini tentunya memberi kesan positif di samping memberi lebih banyak peluang wujudnya peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan untuk warga tempatan. Namun, baginda mengingatkan, dengan perkembangan ini, janganlah pula kita cepat-cepat berpuas hati. Tetapi usaha pembaharuan adalah masih perlu diteruskan, kerana transformasi ekonomi memerlukan perancangan jangka panjang.

Pada titah Kebawah DYMM berkenaan, baginda telah memperkenankan untuk diwujudkan Zon Perdagangan Bebas (Free Trade Zone) yang akan memudahkan aktiviti pelaburan, terutamanya sektor pembuatan. Ini adalah selaras dengan matlamat kita untuk menjadikan negara ini sebagai destinasi perdagangan dan pelaburan yang menarik.

Dalam usaha untuk terus memperkukuhkan ekonomi negara, kerajaan sentiasa memberikan sokongan padu dan ini termasuk dengan memberikan keutamaan untuk meningkatkan nilai dan prestasi Syarikat-Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLCs); dan sektor swasta juga akan terus diberi keutamaan untuk membina keupayaan dalam aktiviti-aktiviti Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (MSME).

Titah Kebawah DYMM, selaras sebagai usaha menyediakan asas yang kukuh bagi perkembangan MSME ini, baginda telah pun memperkenankan penubuhan SME Bank.

Adalah diharap dengan penubuhan bank ini yang akan beroperasi berdasarkan konsep Syariah (Syariah-compliant) akan dapat menyediakan kemudahan pinjaman kewangan yang mudah bagi mendukung aktiviti-aktiviti perniagaan di negara ini.

Namun dengan pelbagai usaha kerajaan, sumber tenaga manusia mempunyai peranan yang penting untuk memastikan kejayaannya. Di Brunei, sumber tenaga tempatan, titah Kebawah DYMM, masih saja bermasalah. Di samping masalah terlalu memilih kerja, ada yang sudah mendapat kerja di sektor swasta tetapi tidak kekal lama dan kembali semula menjadi pemilih jadi penganggur.

Sehubungan ini, Kebawah DYMM telah memperkenankan satu program Apprenticeship diwujudkan khusus bagi graduan-graduan yang masih mencari pekerjaan. Program yang akan dikenali sebagai Program I-RDY (i-ready) adalah sebagai platform bagi para graduan memasuki alam pekerjaan, sama ada di sektor swasta atau sektor awam.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas MMN sudah bermula. Adalah diharap permesyuaratan tahun ini akan memberikan lebih tumpuan kepada perkara-perkara strategik untuk mengukuhkan lagi kemajuan sosioekonomi negara dan jua untuk kepentingan masyarakat serta negara. - **Ketua Penyuntingan (Ss).**

Ramalan Cuaca 3 Hari

RABU	KHAMIS	JUMAAT
32°C / 25°C	32°C / 25°C	32°C / 25°C
32°C / 25°C	32°C / 25°C	32°C / 26°C
32°C / 25°C	32°C / 25°C	32°C / 25°C
32°C / 25°C	32°C / 26°C	32°C / 25°C
32°C / 25°C	32°C / 25°C	32°C / 26°C
32°C / 25°C	32°C / 26°C	32°C / 25°C

114

## WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:  
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi MAC	HARI	Hijrah JAMADILAKHIR	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
8	RABU	9	5.02	5.12	6.29	6.52	12.32	3.46	6.33	7.42
9	KHAMIS	10	5.02	5.12	6.29	6.51	12.32	3.45	6.33	7.42
10	JUMAAT	11	5.02	5.12	6.29	6.51	12.32	3.44	6.33	7.42
11	SABTU	12	5.01	5.11	6.28	6.51	12.31	3.44	6.32	7.41
12	AHAD	13	5.01	5.11	6.28	6.50	12.31	3.43	6.32	7.41
13	ISNIN	14	5.00	5.10	6.27	6.50	12.31	3.42	6.32	7.41
14	SELASA	15	5.00	5.10	6.27	6.49	12.31	3.41	6.32	7.41

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

**TALIAN KECEMASAN 991** | **POLIS 993** | **BOMBA 995** | **PENYELAMAT 998** | **NDMC 2380214**

# Zon Perdagangan Bebas diperkenalkan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berkenan bergambar ramai bersama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13 MMN.



## Dari muka 1

"Matlamat kita ialah untuk menjadikan negara ini sebagai destinasi perdagangan dan pelaburan yang menarik," titah baginda.

Dari peningkatan aktiviti ekonomi titah baginda, akan membawa lebih banyak lagi wujudnya peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan untuk warga tempatan.

Namun tegas baginda, dengan perkembangan itu janganlah pula kita cepat-cepat berpuas hati tetapi usaha pembaharuan adalah masih perlu diteruskan kerana transformasi ekonomi memerlukan perancangan jangka panjang.

"Alhamdulillah sejak kebelakangan ini usaha ke arah ini sudah mula menampakkan kesannya

walaupun hasil yang diraih masih memerlukan masa," titah baginda.

Dari segi pelaburan jelas baginda, kita mula mendapati banyak pelabur-pelabur asing telah memberikan perhatian mereka terhadap potensi negara sebagai destinasi pelaburan yang berdaya maju.

Titah baginda, beberapa projek pelaburan langsung asing akan memulakan operasi mereka sementara, ada juga yang sudah di tahap pelaksanaan, sedang beberapa cadangan pelaburan baru lagi masih dalam penelitian.

Perkembangan tersebut tentunya positif, menurut baginda, ia bukan saja dari sudut penguatan ekonomi malahan juga kesan limpahnya akan dapat kita perolehi.

Baginda bertitah, dari peningkatan aktiviti ekonomi akan membawa lebih banyak lagi wujudnya peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan untuk warga tempatan.

Namun begitu tegas baginda, kita masih saja perlu terus berwaspada kerana harga minyak dunia dijangka berada pada paras yang rendah tanpa mungkin dianggarkan tempohnya.

Maka kerana itu titah baginda, kerajaan beta perlu terus giat untuk mempelbagaikan ekonomi negara.

Terdahulu baginda bertitah, mengucapkan tahniah kepada ahli-ahli di atas pelantikan semula dan juga Ahli-Ahli MMN yang baru dilantik.

"Beta juga ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada bekas Ahli-Ahli MMN di atas sumbangan mereka di dalam persidangan-persidangan majlis yang lalu," titah baginda.

Baginda berharap dengan pelantikan ahli-ahli baru akan membawa kesan yang baik dan positif kepada persidangan tersebut.

"Beta percaya ahli-ahli akan dapat menandai tanggungjawab yang diamanahkan dengan penuh ikhlas dan jujur serta bersikap terbuka dan bebas dalam memberikan apa jua pandangan," titah baginda.

Dalam persidangan inilah jelas baginda, ahli-ahli akan berpeluang untuk membincang atau membahas isu-isu yang dianggap

mustahak.

Di antara isu mustahak itu titah baginda, ialah yang berkaitan dengan ekonomi.

"Kita semua sudah maklum bahawa keadaan ekonomi dunia terus mengalami ketidakpastian walaupun pada akhir-akhir ini harga minyak dunia menunjukkan tanda-tanda positif," tegas baginda.



HADIR sama pada Istiadat Pembukaan Rasmi tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran- Pengiran Cheteria, Ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja dan Ahli Majlis Mengangkat Raja.



ANTARA jemputan khas dan para diplomat asing ke negara ini yang hadir semasa istiadat perasmian tersebut (kiri dan kanan).

# Penubuhan SME Bank berkonsepkan Syariah diperkenankan



Laporan : Noriah Haji Abdul Hamid,  
Abdullah Asgar

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor /  
Morshidi, Ampuan Haji Mahmud  
Ampuan Haji Tengah, Hamzah Mohidin,  
Hernie Suliana Haji Othman,  
Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Mac. - Sektor swasta akan terus diberi keutamaan untuk membina keupayaan dalam aktiviti-aktiviti Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (MSME), selaras sebagai usaha menyediakan asas yang kukuh bagi perkembangan perusahaan tersebut.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah telah memperkenankan penubuhan SME Bank

yang berkonsepkan Syariah (*Shariah-compliant*).

Baginda bertitah demikian pada Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Penubuhan bank itu, titah baginda adalah diharapkan untuk menyediakan kemudahan pinjaman kewangan yang mudah (*accessible financing*) bagi mendukung aktiviti-aktiviti perniagaan di negara ini.

## Program I-RDY dilancarkan April depan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah memperkenankan satu program Apprenticeship untuk diwujudkan bagi graduan-graduan yang masih mencari pekerjaan.

Program itu titah baginda, akan dilancarkan pada bulan April 2017 insyaaAllah.

Ia akan dikenali sebagai Program I-RDY (*i-ready*) jelas baginda, khusus sebagai platform bagi para graduan yang akan memasuki alam pekerjaan sama ada di sektor swasta atau sektor awam.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah demikian pada Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Terdahulu, baginda menegaskan bahawa sumber tenaga tempatan masih saja bermasalah. Di samping masalah terlalu memilih kerja, juga jadi masalah ialah sudah dapat kerja di sektor swasta, tetapi tidak kekal lama, hanya sebulan atau seminggu dua sahaja sudah berhenti, balik

semula memilih jadi penganggur.

Menyentuh mengenai keperluan tenaga manusia jelas baginda, penyediaan asas ilmu pengetahuan adalah utama.

"Maka ke arah ini, pencapaian penuntut-penuntut dari peringkat sekolah rendah sehingga ke peringkat menengah adalah perlu untuk diberikan penekanan," titah baginda.

Baginda menegaskan, maka untuk itu, agensi-agensi berkenaan perlulah merangka perancangan yang *actionable* dan realistik serta *cost-effective* agar semua isu dapat ditangani secara berkesan dalam jangka masa pendek, sederhana dan panjang.

"Juga perlu diambil perhatian bahawa pendidikan pada masa kini tidak hanya terhad di bilik-bilik darjah sahaja tetapi banyak ilmu, maklumat dan kemahiran boleh diperolehi melalui penggunaan teknologi internet yang boleh diakses dengan mudah dan cepat," jelas baginda.

Namun dalam keghairahan memanfaatkan teknologi canggih itu tegas baginda, kita juga dikehendaki supaya jangan lalai dari anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab yang menggunakan teknologi untuk tujuan-tujuan keburukan termasuk penggunaan media sosial untuk menyebarkan berita-berita palsu dan fitnah, semua ini boleh mengundang kepada



KEBAWAHA Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan berangkat ke Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

bencana.

Baginda berharap semua pihak perlu turut menyedari dan mengambil perhatian serius mengenainya.

Akhirnya, baginda berharap persidangan MMN tahun ini akan memberikan lebih tumpuan kepada perkara-perkara strategik

untuk mengukuhkan lagi kemajuan sosioekonomi negara.

Ahli-ahli Yang Berhormat titah baginda juga diharapkan dapat mengemukakan pandangan-pandangan dan saranan-saranan bernas tanpa takut-takut atau ragu-ragu untuk kepentingan masyarakat dan negara.



SUASANA Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13 MMN.

# Jadikan Al-Quran teman sejati

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Masri Osman, Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 7 Mac. - Tema musabaqah tahun ini, iaitu 'Al-Quran Temanku Mencerikan Hidupku' adalah selaras dengan gagasan bagi mengembang-bangunkan sebuah Negara Zikir.

Ini kerana Al-Quran adalah Ummul Kitab atau kitab induk yang diwahyukan secara langsung kepada Junjungan Besar utusan akhir zaman.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri bersabda demikian semasa merasmikan Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Al-Quran itu sabda DYTM,

selayaknya dijadikan sebagai teman sejati kepada seluruh umat manusia yang beriman kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

DYTM menambah sabda, kitab suci ini mengandungi pelbagai pedoman serta rahsia yang tersirat untuk kebahagiaan duniawi dan ukhrawi.

Antara rutin hidup seorang Muslim, sabda DYTMM, ialah mendampingi Al-Quran. Dengan membaca serta memahami dan mendalami ayat-ayat terkandung di dalamnya tambah sabda DYTMM akan memperingatkan kita kepada kebesaran Allah seperti dalam Surah Al-Baqarah, ayat ke-121 yang mafhumnya "Orang-orang yang telah Kami berikan Al-Kitab kepadanya, mereka membacanya dengan bacaan yang sebenarnya, mereka itulah orang-orang yang beriman kepadanya."

"Adapun maksud membaca dengan bacaan yang sebenarnya, atau *haqqut tilawah*, dalam ayat tersebut adalah berfungsinya ketiga-tiga lisan, akal, dan hati seseorang ketika

membaca Al-Quran.

Pertama, lisan berfungsi dengan baik ketika mampu mentartilkannya. Kedua, berfungsinya akal adalah dengan memahami isi ayat yang dibacakan. Manakala yang ketiga pula, berfungsinya hati adalah dengan merenungkan nasihat-nasihat yang terkandung di dalamnya.

Oleh itu, amat beruntunglah kepada mereka yang menjadikan Al-Quran sebagai teman sejati. Sebagaimana seorang sahabat karib ingin selalu dekat di sisinya untuk meluahkan keresahan hati, mendapatkan nasihatnya, serta mengikuti pedomannya," tambah sabda DYTMM.

Terlebih lagi, Al-Quran sendiri tambah sabda DYTMM khusus diturunkan sebagai kitab petunjuk atau hidayah yang berfungsi mengeluarkan manusia dari kegelapan kepada cahaya.

"Dengan kata lain, Al-Quran merupakan pedoman hidup untuk mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat. Ternyata manfaat terbesar dari bersahabat dengan Al-Quran adalah syafaat yang dijanjikan sebagai ganjaran untuk alam akhirat," sabda DYTMM.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri ketika bersabda merasmikan Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi.

## Berangkat rasmikan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 7 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal

Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat merasmikan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan menerima junjung ziarah daripada Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi sejurus tiba di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (kiri).

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini, dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Tahun 1438H / 2017M serta Ahli Jawatankuasa Tertinggi yang lain.

AHLI-AHLI Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara dan para jemputan khas hadir menyerikan suasana musabaqah (bawah kiri).

Berangkat sama, adinda DYTMM, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Ke muka 6



PESERTA qari, iaitu Awang Mohammad bin Ali (kiri) dan qariah, Dayang Norezah binti Haji Md. Deli (kanan) memperdengarkan bacaan Al-Quran mereka di malam pertama musabaqah.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat merasmikan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi.

## Manfaatkan kaedah mengundang pakar Al-Quran

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Masri Osman, Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 7 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri bersabda sudah tiba masanya kita perlu mengambil langkah untuk meneliti semula dua perkara yang berkaitan berikut.

"Pertama ialah usaha kita meningkatkan dan memastikan prestasi dan mutu kebolehan peserta yang akan mewakili negara.

Kedua, adalah juga mustahak kita memastikan tahap atau peringkat musabaqah yang mereka sertai adalah sekurang-kurangnya peringkat negara atau anjuran kerajaan dari negara-negara yang mengundang," demikian sabda DYTМ semasa merasmikan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

DYTМ dalam sabdanya juga menyentuh mengenai usaha untuk meningkatkan mutu bacaan dan menyarankan supaya diteliti semula kaedah mengundang pakar-pakar Al-Quran antarabangsa yang termasyhur supaya dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya dalam membimbing para qari dan qariah kita.

"Pada misalnya, adalah lebih berkesan jika kita mengundang lebih ramai lagi para pakar antarabangsa secara bergilir dalam tempoh masa yang tertentu.

Kaedah baru itu, membolehkan para qari dan qariah kita meraih dan menimba lebih banyak ilmu dan pengalaman daripada para pakar antarabangsa tersebut.

Di samping itu, ianya juga membolehkan kita mengetahui dengan jelas mutu dan tahap prestasi pencapaian bacaan dari masa ke semasa," tambah sabda DYTМ.

DYTМ juga bersabda menjelaskan, penelitian ke atas tahap atau peringkat penyertaan peserta-peserta pula membolehkan kita mengukur tahap pencapaian kita dengan lebih teratur termasuk hafalan di peringkat negara secara umumnya.

Dalam hal ini, DYTМ berpendapat adalah bersesuaian bagi Kementerian Hal Ehwal Ugama memikirkan langkah untuk seterusnya memberikan nilai tambah kepada Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah sebagai pusat yang mengajarkan hafalan Al-Quran.

DYTМ seterusnya menekankan sudah tiba masanya, institut memperkenalkan pengajaran bacaan Al-Quran berlagu atau tarannum secara ilmu, teori dan amali.

"Usaha ke arah itu hendaklah segera diterokai dengan menyediakan rangka kerja yang teratur dan teliti," tegas DYTМ.

## Berangkat rasmi Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa



BERANGKAT sama paduka adinda DYTМ, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik. Juga berangkat ialah kerabat diraja yang lain serta Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria dan juga para jemputan khas.

### Dari muka 5

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Pada malam pertama musabaqah berkenaan, DYTМ berkenan mengurniakan sabda.

Terdahulu, Menteri Hal Ehwal Ugama Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin dalam sembah alu-aluannya antara lain menyembahkan Musabaqah Membaca Al-Quran ini dimulakan di setiap Peringkat Zon / Daerah untuk dipilih menyertai Peringkat

Suku Akhir dengan memperoleh markah 75 peratus ke atas.

Menurut Yang Berhormat, seramai 91 orang telah terpilih memasuki Peringkat Suku Akhir yang terdiri daripada 68 qari dan 23 qariah.

Daripada jumlah tersebut, Yang Berhormat menjelaskan, seramai 57 peserta iaitu 40 qari dan 17 qariah telah bertanding di Peringkat Separuh Akhir.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama seterusnya menyembahkan, bahawa pada tahun ini jawatankuasa musabaqah telah mendatangkan tiga qari jemputan iaitu seorang dari Republik Arab Mesir dan dua orang dari Republik



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin selaku pengerusi majlis menyembahkan ucapan alu-aluan.



MAJLIS musabaqah disemarakkan dengan persembahan bacaan Al-Quran daripada qari jemputan remaja dari Republik Indonesia, Muhamad Miftah Farid.



Indonesia, seorang daripadanya adalah qari remaja.

"Seorang lagi untuk menganggotai Panel Hakim Musabaqah dan untuk mengongsikan ilmu dan kemahiran mereka membaca Al-Quran dengan bacaan yang bermutu tinggi melalui bengkel yang diadakan serta mempersembahkan bacaan dalam tiga malam majlis musabaqah itu," jelas Yang Berhormat.

Seramai dua qari, iaitu Awang Mohammad bin Ali, Haji Awang Muhd. Fikri bin Awang Metussin dan dua qariah, Dayang Norezah binti Haji Md. Deli dan Dayang Siti Huzaimah Yadey binti Haji Rosli memperdengarkan bacaan Al-Quran mereka.

Majlis juga disemarakkan dengan persembahan bacaan Al-Quran daripada qari jemputan remaja dari Republik Indonesia, Muhamad Miftah Farid.

Musabaqah akan diteruskan malam esok dengan lapan peserta yang akan memperdengarkan bacaan mereka.

Tema Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir tahun ini ialah 'Al-Quran Temanku Menceriakan Hidupku'.

PARA jemputan khas wanita juga hadir menyeroni suasana musabaqah (kiri).

# Ambil perhatian berat titah Kebawah DYMM



Laporan : Hezlinawati Haji Abdul Karim  
Foto : Hamzah Mohidin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 7 Mac. - Majlis Mesyuarat Negara menjunjung kasih di atas kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13 yang mengandungi nasihat dan

peringatan, serta pandangan jauh baginda khasnya dalam memperkasa pertumbuhan ekonomi dan mempertingkatkan kesejahteraan rakyat dan keselamatan negara terutama dalam mengharungi berbagai bentuk cabaran termasuk ekonomi global serta keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu yang telah dihadapi beberapa tahun dahulu sehingga hari ini.

Demikian dinyatakan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa menyampaikan cadangan usul yang berbunyi, "Majlis ini bersetuju meluluskan satu usul menyebarkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda ke majlis ini pada hari Isnin, 7 Jamadilakhir 1438 Hijrah bersamaan 6 Mac 2017 Masihi dan di atas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang majlis ini menjunjung kasih dengan sepenuh-penuhnya."

Titah baginda itu ujar Yang Berhormat lagi, adalah sangat bernas



YANG Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Seri Setia Haji Mohamed Taib.

dan padat, mengandungi kurnia rancangan dan inisiatif, yang menjurus kepada strategi untuk membawa Negara Brunei Darussalam maju dan membangun.

Kehadiran dan komitmen pelaburan langsung asing ke negara ini jelas Yang Berhormat lagi, adalah mencerminkan dengan jelas keyakinan mereka kepada potensi pelaburan di negara ini.

Kurnia titah baginda mengenai penubuhan SME bank, usaha-usaha mengukuhkan aktiviti Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana serta memperkasa Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLCs) pula menurut Yang Berhormat akan dapat membantu kemajuan ekonomi di sektor ini.

"Semua ini jelas menggambarkan kebijaksanaan, keprihatinan dan pemedulian baginda yang mempunyai pandangan jauh bagi memastikan pertumbuhan ekonomi negara yang mantap dengan mempelbagaikan ekonomi negara demi kesejahteraan generasi yang akan datang," jelas Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Oleh yang demikian, terang Yang Berhormat lagi permesyuaratan dalam masa beberapa hari ke

hadapan ini perlu mengambil perhatian berat terhadap titah baginda yang menyaranan betapa pentingnya Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk mengetengahkan dengan ikhlas dan jujur idea-idea yang bernas dan strategik yang membawa impak dalam menangani isu-isu penting terutama sekali yang membabitkan cabaran-cabaran yang kita hadapi dan juga bagi melipat gandakan lagi usaha-usaha masing-masing dalam memeduli permasalahan rakyat dan negara ini.

Berikutan dengan kedudukan ekonomi dunia yang masih belum pulih sejak 2015 jelas Yang Berhormat, cabaran ini nampaknya akan berterusan dan kesan impaknya juga dirasakan menghimpit kita di Negara Brunei Darussalam.

"Usaha-usaha kita dalam menghadapi cabaran ini perlu diteruskan. Kita juga perlu sama-sama bertindak dan bergerak melaksanakan kaedah-kaedah dan langkah-langkah yang wajar dalam menangani situasi ini secara lebih efektif melalui pendekatan *whole of nation* bagi meningkatkan produktiviti negara," jelas Yang Berhormat.



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

# MMN luluskan usul menjunjung kasih

Laporan : Hezlinawati Haji Abdul Karim  
Foto : Hamzah Mohidin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 7 Mac. - Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) telah bersidang hari ini dengan dipengerusikan oleh Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato

Setia Haji Mohamed Taib, berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Sesi Persidangan itu telah meluluskan Perkara V (Lima) iaitu Satu Usul yang dicadangkan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya

Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong yang berbunyi:

"Majlis ini bersetuju meluluskan satu usul bagi menyebarkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda ke majlis ini pada hari Isnin, 7 Jamadilakhir 1438 Hijrah bersamaan dengan 6 Mac 2017 Masihi dan di atas kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam; yang majlis ini menjunjung kasih dengan sepenuh-penuhnya."

Seramai 11 orang Ahli MMN telah memberikan pendapat dan menyebarkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sesi Persidangan tersebut juga membincangkan Perkara VI (Enam) iaitu Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017 / 2018 yang dicadangkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim yang bergelar :

"Suatu Akta untuk membekalkan

sejumlah wang dari Kumpulan wang Yang Disatukan bagi perkhidmatan Tahun Kewangan 2017 / 2018 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu."

Rang ini telah pun dibacakan bagi Bacaan Pertama, dan Kedua dan bersidang di Peringkat Jawatankuasa. Persidangan yang telah meluluskan Tajuk SA01A hingga Tajuk SA14A di bawah Jabatan Perdana Menteri dan dijadikan sebahagian daripada jadual.



TIMBALAN Menteri di JPM, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Roselan; pegawai-pegawai kanan dan pegawai-pegawai kerajaan antara yang hadir mendengarkan perbincangan yang berlangsung di Bangunan Dewan Majlis.

# Negara komited ke arah pembangunan sektor swasta



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 7 Mac. - Beberapa syarikat dari Pelaburan Langsung Asing (FDI) telah mula bertapak dan menjalankan operasi mereka di negara ini seperti dalam bidang *pharmaceutical*, bioteknologi, dan sebagainya sementara sebilangan syarikat FDI akan memulakan

operasi mereka.

Penyertaan sebuah syarikat pelaburan langsung asing dalam mengendalikan, memaju dan meneroka potensi Muara Container Terminal (MCT) juga akan menjana kemajuan dan perkembangan sektor pengangkutan.

Penglibatan syarikat-syarikat

## Pelbagai inisiatif dilaksanakan tangani pengurusan tenaga manusia

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 7 Mac. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menubuhkan Majlis Perancangan Tenaga Manusia (Manpower Planning Council) pada Mei 2016 dalam menangani pengurusan tenaga manusia.

Majlis ini antara lain bertanggungjawab secara keseluruhannya untuk memadankan permintaan dan bekalan tenaga kerja, dengan sasaran untuk mengurangkan pergantungan kepada tenaga kerja asing.

Demikian dinyatakan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong ketika menyampaikan usul menjunjung kasih Majlis Mesyuarat Negara di atas kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13 MMN.

Yang Berhormat seterusnya berkata selaras dengan usaha ini, JobCentre Brunei juga turut ditubuhkan di penghujung tahun 2016 dengan fokus utama termasuk menyediakan rangka kerja urus tadbir yang bersesuaian serta menganalisa maklumat dan inisiatif-inisiatif berkaitan dengan perancangan sumber tenaga manusia yang mana penganalisaan merangkumi gambaran jangkaan keperluan tenaga manusia di masa akan datang.

Usaha ke arah meningkatkan *employability* dan *marketability* para pencari kerja turut diberikan perhatian melalui Program Industry

Competency Framework di mana program ini menurut Yang Berhormat adalah kesinambungan daripada Energy Industry Competency Framework yang telah wujud sejak tahun 2014.

Program itu ujar Yang Berhormat, dihasratkan bagi memberikan pendedahan suasana pekerjaan yang sebenar di mana setiap pencari kerja ditempatkan bagi tempoh-tempoh yang tertentu mengikut jenis pekerjaan.

"Sehubungan ini sekali lagi kita menjunjung kasih di atas kurnia perkenan baginda memperkenalkan mulai bulan April 2017 Program Apprenticeship, iaitu program I-Ready khusus bagi graduan-graduan yang mencari pekerjaan. Kita berharap para graduan akan mengambil manfaat sepenuhnya dari program ini untuk menimba pengalaman bekerja baik di sektor awam atau swasta dan dalam masa yang sama bersedia untuk membuat perubahan minda bagi kebaikan dan kemajuan diri sendiri," ujar Yang Berhormat.

Seterusnya, Yang Berhormat berkata, cabaran masa kini yang dihadapi adalah pelbagai yang memerlukan permuafakatan erat, percambahan fikiran yang terbuka, menerokai kreativiti dan inovasi ke arah mengenal pasti langkah-langkah yang wajar, bernas, bersesuaian, strategik dan efektif.

Berdasarkan kepada apa yang telah dititahkan oleh Kebawah DYMM, Yang Berhormat seterusnya menjelaskan kita semua perlulah memberikan perhatian yang serius kepada seruan baginda agar memberikan lebih tumpuan kepada perkara-perkara strategik untuk mengukuhkan lagi kemajuan sosioekonomi negara.

Laporan : Hezlinawati Haji Abdul Karim  
Foto : Hamzah Mohidin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

pelaburan langsung asing itu jelas Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong adalah sebagai menjunjung tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan berkat kerjasama padu semua pihak yang berkepentingan.

Menyentuh tentang usaha bersatu dan berterusan kerajaan dalam Ease of Doing Business pula Yang Berhormat menjelaskan, peningkatan infrastruktur dan titah baginda mengenai dengan rancangan mewujudkan Zon Perdagangan Bebas (Free Trade Zone) khasnya dalam sektor pembuatan, akan sententunya menambah baik lagi *ecosystem negara ini dalam menarik*

*lebih banyak lagi FDI ke negara ini, dan insyaaAllah akan menjadikan negara ini destinasi pelaburan berdaya maju.*

"Kejayaan projek-projek ini jelas mencerminkan komitmen negara ke arah pembangunan sektor swasta, terutama sekali dalam menerokai potensi bagi meluaskan pembangunan ekonomi di luar Sektor Minyak dan Gas yang mana akan turut menjana peluang pekerjaan di samping mengeratkan lagi perhubungan antarabangsa. Penerokaan potensi ini perlu diteruskan dan dengan kerjasama padu semua pihak insyaaAllah akan dapat memacu ekonomi negara ini dan menjadikannya berdaya tahan," ujar Yang Berhormat.

Sejajar dengan inisiatif-inisiatif yang dinyatakan, ujar Yang Berhormat lagi kerajaan juga telah mengambil langkah-langkah konkrit di mana beberapa Kementerian telahpun mengambil pendekatan Public Private Partnership (PPP)



sebagai kaedah bijak dalam pelaksanaan projek-projek pilihan.

Melalui kaedah ini di samping pelaksanaan projek secara efisien menurut Yang Berhormat, ia juga telah dapat membukakan peluang penglibatan golongan peniaga, pengusaha tempatan, terutama Pengusaha Mikro, Kecil dan Sederhana.

Pembukaan SME bank yang berasaskan konsep syariah adalah suatu inisiatif yang diharap akan dapat meningkatkan dan memperkembangkan lagi aktiviti perniagaan khasnya kepada generasi muda yang mana penubuhan bank sedemikian jelas mencerminkan keyakinan Kebawah DYMM akan muamalah Islam dan sekali gus memperkembangkan industri kewangan Islam di negara ini.

## Berganding bahu memelihara rukun keamanan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 7 Mac. - Kemajuan dan perkembangan yang dicapai oleh negara selama ini adalah berpaksi kepada suasana keamanan dan ketenteraman yang dinikmati negara di bawah pimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sebagaimana juga titah baginda sempena Awal Tahun Masihi 2017 bahawa rukun keamanan adalah mustahak untuk dipelihara dan diamalkan iaitu memegang kuat ajaran agama, mematuhi undang-undang serta hidup dalam keadaan harmoni dan bersatu padu.

Demikian antara yang terkandung di dalam usul menjunjung kasih Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong di atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bercemar duli ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13 Majlis Mesyuarat Negara dan seterusnya berkenan mengurniakan titah pada 7 Jamadilakhir 1438 Hijrah bersamaan 6 Mac 2017 Masihi.

Yang Berhormat seterusnya menekankan adalah penting bagi semua lapisan masyarakat berganding bahu dalam memelihara rukun keamanan ini kerana tanpa

keamanan, pembangunan yang diinginkan tidak akan dapat dicapai.

"Dalam hubungan ini, baginda telah mengingatkan kita supaya dalam keghairahan memanfaatkan teknologi canggih, kita dikehendaki supaya jangan lalai dari anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab yang menggunakan teknologi untuk tujuan-tujuan keburukan termasuk penggunaan media sosial untuk menyebarkan berita-berita palsu dan fitnah. Kita mestilah berwaspada dan menjunjung tinggi titah nasihat baginda ini. Kerana jika kita alpa, ia boleh mengundang bencana," ujar Yang Berhormat.

Di samping keamanan, kata Yang Berhormat lagi tahap kesihatan juga mempunyai peranan yang tinggi di dalam mendukung kemajuan negara.

Kebawah DYMM menurut Yang Berhormat amat prihatin mengenai perlunya amalan cara hidup sihat diterapkan ke dalam gaya hidup semua peringkat umur melingkungi di antaranya tabiat pemakanan, kegiatan fizikal dan kesejahteraan

mental di mana dengan memperkasa cara hidup sihat ini, kesejahteraan dan potensi produktiviti individu akan dapat dicapai sepenuhnya.

Seiring dengan kesihatan, pendidikan juga mempunyai peranan yang mempunyai kepentingannya sendiri dalam meningkatkan kemajuan negara, jelas Yang Berhormat.

PeKa akan perkara ini, kerajaan adalah amat komited dalam memastikan bukan saja peluang bagi warga negara ini diberikan pendidikan akan tetapi memastikan kualiti pendidikan termasuk kualiti guru.

"Dalam hal sedemikian, salah satu langkah mempertingkatkan lagi kualiti pengajaran literasi dan numerasi di sekolah-sekolah di Brunei Darussalam, pada tahun 2016 satu perjanjian telah ditandatangani di antara pihak CFBT dan Kementerian Pendidikan yang diharap dapat menyumbang bagi meningkatkan kualiti pelajar-pelajar di sekolah rendah dan menengah di negara ini," ujar Yang Berhormat.



ANTARA yang hadir mendengarkan perbincangan yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.





# BND5.3 bilion dicadangkan bagi Tahun Kewangan 2017 / 2018

Laporan : Haji Ahmad Haji Salim  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Hernie Suliana Haji Othman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 7 Mac. - Ke arah mendukung tema belanjawan Tahun Kewangan 2017 / 2018, tumpuan dan keutamaan perbelanjaan kerajaan bagi Tahun Kewangan diuruskan kepada mendukung lima fokus utama.

Lima fokus utama itu adalah Prudent Spending ataupun perbelanjaan berhemat, meningkatkan produktiviti negara, memudah cara perniagaan, membina kapasiti dan modal insan dan memelihara kesejahteraan awam.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim menjelaskan perkara itu ketika membentangkan Kertas Cadangan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan 2017 / 2018 Musim Permesyuaratan Ke-13 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) 2017 yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Terdahulu dari itu, Yang Berhormat menyentuh bahawa anggaran perbelanjaan bagi Tahun Kewangan 2017 / 2018, termasuk peruntukan bagi kumpulan kemajuan dicadangkan keseluruhannya, sebanyak lima ribu

tiga ratus juta ringgit Brunei (BND5,300,000,000.00).

Menurut Yang Berhormat lagi, jumlah ini mengambil kira unjuran hasil pendapatan kerajaan bagi tahun berkenaan selaras dengan usaha dalam menangani defisit belanjawan.

"Namun, cadangan jumlah perbelanjaan ini adalah masih jauh lebih tinggi, berbanding anggaran hasil kerajaan yang dinyatakan tadi mengambil kira kepada keperluan perbelanjaan bagi program dan projek yang dirancang," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya berkata, imbalan fiskal Tahun Kewangan 2017 / 2018 yang diunjurkan terus mengalami defisit bagi tahun keempat berturut-turut, selain langkah pengawalan perbelanjaan kerajaan diambil.

Namun, tegas Yang Berhormat, usaha-usaha untuk meningkat hasil kerajaan juga perlu dipergiatkan agar program dan projek yang dikenal pasti bagi perkembangan, termasuk sosioekonomi negara akan terus dapat dilaksanakan.

Pada majlis itu, Yang Berhormat dalam pembentangan juga menggaris secara ringkas keutamaan-keutamaan Prudent Spending ataupun perbelanjaan berhemat iaitu antaranya langkah pengawalan perbelanjaan kerajaan yang telah dilaksanakan termasuk mengemaskinikan kemudahan-kemudahan yang dihulurkan bagi pegawai-pegawai kerajaan yang menghadiri kursus-kursus dan

persidangan di luar negara; meneliti bagi *right-sizing* Perkhidmatan Awam; meneliti perbelanjaan-perbelanjaan utiliti yang boleh menjimatkan seperti penggunaan elektrik, air, telefon dan lain-lain.

Sementara itu, tambah Yang Berhormat, keutamaan belanjawan kedua ialah meningkatkan produktiviti negara, di mana penekanan akan terus diberikan kepada produktiviti Perkhidmatan Awam dan sektor swasta.

"Kedua-dua sektor ini saling memerlukan dan berhubung kait bagi mencapai hasrat negara seperti yang ditetapkan di dalam Wawasan Brunei 2035 dengan melaksanakan 'Whole of Nation Approach,'" jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya berkata, dalam fokus belanjawan yang ketiga iaitu memudah cara perniagaan, di mana katanya kerajaan telah melaksanakan pindaan kepada undang-undang dan peraturan-peraturan, serta pengemaskinian proses-proses dan prosedur-prosedur dengan matlamat untuk memudah cara perniagaan di negara ini.

Dalam pembentangan kertas cadangan itu, Yang Berhormat turut menyentuh mengenai keutamaan belanjawan keempat iaitu membina kapasiti dan modal insan, di mana menurutnya modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi adalah sumber utama yang diperlukan untuk perkembangan dan kemajuan negara secara progresif.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

Ke arah itu tambahnya, usaha berterusan dalam mempersiapkan golongan belia adalah menjadi satu keutamaan dalam perancangan bagi pembangunan dan perkembangan sosioekonomi negara.

"Pembangunan kapasiti dan modal insan ini perlulah dilaksanakan secara holistik, merangkumi perolehan pengetahuan dan kemahiran. Ini termasuklah keupayaan keusahawanan; pemilikan sikap, nilai dan etika positif dan progresif; melalui program-program yang tersusun, bersesuaian dan berpaksikan kepada prestasi atau *outcome*, terangnya.

Yang Berhormat berkata, keutamaan belanjawan yang terakhir ialah meningkatkan

kesejahteraan awam, yang mana peruntukan-peruntukan bersesuaian akan terus disediakan dibawa fokus ini antaranya dalam memastikan perkhidmatan kesihatan berkualiti terus disediakan.

Antara peruntukan-peruntukan yang disediakan oleh kerajaan termasuk bagi pembelian ubat-ubat sebanyak \$36.0 juta; perbekalan dan perkhidmatan perubatan disediakan sebanyak \$22.8 juta; sejumlah \$4 juta disediakan bagi membiayai kos penghantaran dan rawatan pesakit keluar negara dan \$30 juta bagi perkhidmatan rawatan-rawatan pesakit di pusat-pusat rawatan khusus iaitu Gleneagles JPMC, Pusat Kanser Brunei dan Brunei Neuroscience, Stroke & Rehabilitation Centre.

## Diiktiraf 10 negara teratas melaksanakan pembaharuan memudah cara perniagaan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 7 Mac. - Melalui usaha-usaha giat dan berterusan agensi-agensi kerajaan di bawah kepimpinan berjawatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui inisiatif-inisiatif yang diterajui oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM), selaku Sponsor dan Pengerusi Jawatankuasa Pandu PENGGERAK, kedudukan negara dalam Laporan Doing Business 2017 keluaran World Bank telah dapat ditingkatkan sebanyak 25 anak tangga kepada kedudukan ke-72 dalam kalangan 190 negara di seluruh dunia.

Di dalam laporan tersebut, Negara Brunei Darussalam juga telah diiktiraf sebagai 10 negara teratas yang terbanyak melaksanakan pembaikan atau pembaharuan bagi memudah cara perniagaan bagi tempoh dua tahun berturut-turut.

Perkara itu dinyatakan oleh Menteri di JPM dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, ketika pembentangan Kertas Kerja



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

Cadangan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan 2017 / 2018, Majlis Mesyuarat Negara, yang berlangsung di Dewan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Bangunan Dewan Majlis masuk hari kedua hari ini.

Menurut Yang Berhormat lagi, antara inisiatif-inisiatif yang telah diambil dalam mendukung reformasi iaitu yang pertama ialah memperkenalkan proses baharu bagi permohonan Lesen Pekerja Asing bagi memudahkan para peniaga membuat permohonan-pemohonan yang berkaitan,

di samping membantu pihak jabatan untuk melaksanakan pengawalan dan pemantauan pekerja asing dengan lebih teratur.

Kedua, tambah Yang Berhormat, ialah mengurangkan kos logistik bagi import dan eksport kontena sebanyak 36 peratus dari caj sarat bermula 1 Ogos 2016.

Pengurangan caj pelabuhan ini jelasnya, dihasratkan untuk dapat mengurangkan kos perniagaan bagi peniaga dan pelabur di negara ini, agar mereka akan lebih berdaya saing dan dapat mengembangkan aktiviti perniagaan mereka.

Manakala inisiatif-inisiatif seterusnya, iaitu yang ketiga ialah memudah pengendalian proses pemfailan di mahkamah secara *online* menggunakan Sistem Pengurusan Kes Kehakiman (JCMS) dan keempat pula ialah menubuhkan Mahkamah Komersial yang berperanan penting dalam pembangunan asas undang-undang perdagangan, kewangan serta industri di negara ini.

Inisiatif kelima pula tambah Yang Berhormat, ialah menguatkuasakan Brunei Darussalam Accounting Standards (BDAS) bermula 1 Januari 2018, serta menubuhkan 'Board of Review' bagi meneliti kes-kes bantahan cukai daripada

syarikat-syarikat, untuk mewujudkan pentadbiran cukai korporat yang lebih telus dan saksama dan memperkenalkan Perintah Pelancongan 2016, yang meliputi Lembaga Pelancongan Brunei, Perlesenan Ejen-Ejen Pelancongan, Pendaftaran Premis Penginapan Pelancongan dan Pelesenan Pemandu Pelancong.

"Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) juga telah melancarkan pakej pelancongan baharu untuk meningkatkan kemasukan pelancong dan memanjangkan tempoh keberadaan mereka di negara ini," ujar Yang Berhormat.



SEBAHAGIAN daripada yang hadir pada persidangan berkenaan.

# Harga minyak dunia rendah beri impak ekonomi negara

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 7 Mac. - Tahap harga minyak dunia yang rendah secara berterusan telah memberikan impak yang signifikan kepada ekonomi negara.

Dari segi Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada harga tetap, ekonomi negara dianggarkan menurun sebanyak 2.7 peratus pada tahun 2016 yang turut menjejaskan eksport dan import negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim menyatakan perkara tersebut semasa membentangkan Kertas Cadangan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan 2017 / 2018 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang masuk hari kedua, berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

"Pada tahun 2016, jumlah eksport telah menurun sebanyak 22.7% kepada \$6.74 bilion berbanding \$8.71 bilion pada tahun 2015. Manakala jumlah import telah menurun sebanyak 17.1% kepada \$3.69 bilion berbanding \$4.45 bilion dalam tempoh yang sama," jelas Yang Berhormat.

Keadaan ini ujar Yang Berhormat, telah menjejaskan kedudukan fiskal kerajaan. Negara telah merekodkan kadar defisit yang tinggi sebanyak 15.4 peratus dari KDNK atau \$2.6 bilion bagi Tahun Kewangan 2015 / 2016.

"Kadar defisit tinggi ini direkodkan walaupun kerajaan telah berjaya mengawal perbelanjaannya, yang berkurangan sebanyak 13% kepada \$6.3 bilion berbanding \$7.3 bilion pada Tahun Kewangan sebelumnya. Demikian juga, bagi tempoh sembilan (9) bulan pertama Tahun Kewangan 2016/2017,



**MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.**

imbangan fiskal kerajaan telah merekodkan defisit sebanyak \$2.5 bilion berikutan penurunan berterusan hasil pendapatan kerajaan dari Sektor Minyak dan Gas iaitu sebanyak 36.4% kepada \$1.4 bilion sahaja berbanding perbelanjaan kerajaan berjumlah \$4.4 bilion," terangnya.

Menurut Yang Berhormat lagi, di sebalik pertumbuhan negatif KDNK negara, pada tahun 2016, beberapa sektor telah mencatatkan pertumbuhan positif antaranya adalah Sektor Kewangan sebanyak 8.8 peratus; Sektor Elektrik dan Air sebanyak 4.3 peratus; Sektor Perkhidmatan Domestik sebanyak 2.0 peratus; Sektor Hartanah dan Pemilikan Tempat Kediaman sebanyak 1.8

Laporan : Haji Ahmad Haji Salim  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Hernie Suliana Haji Othman

peratus; Sektor Hotel dan Restoran sebanyak 1.3 peratus dan Sektor Perhubungan sebanyak 0.3 peratus.

Pada suku ketiga 2016, jelasnya jumlah aset dan deposit bank masing-masing telah meningkat sebanyak 6.6 peratus dan 3.4 peratus tahun-ke-tahun, manakala mata wang dalam edaran (*currency in circulation*) berkembang 1.7 peratus tahun-ke-tahun, yang mencerminkan permintaan berterusan bagi urus niaga.

Yang Berhormat seterusnya berkata, International Monetary Fund (IMF) dalam Laporan World Economic Outlook Update keluaran Januari 2017 mengekalkan unjuran pertumbuhan ekonomi dunia sebanyak 3.4 peratus dan 3.6 peratus masing-masing bagi tahun 2017 dan 2018.

"Unjuran ini didorong oleh prospek yang menggalakkan di Amerika Syarikat, Republik Rakyat China, Eropah dan Jepun. Para penganalisa meramalkan aktiviti ekonomi global akan lebih giat, jika dasar rangsangan ekonomi (policy stimulus) di Amerika Syarikat dan Republik Rakyat China memberi impak yang lebih signifikan daripada jangkaan awal," terangnya.

Yang Berhormat turut menyentuh mengenai prospek pasaran minyak dunia, di mana sejak awal tahun 2017 ini, harga minyak telah meningkat secara perlahan berikutan keputusan yang dicapai oleh negara-negara OPEC dan Bukan OPEC untuk menghadkan tahap pengeluaran minyak dengan pengurangan kira-kira 1.2 juta tong sehari.

Walau bagaimanapun, tambahnya,

pergerakan harga minyak terus menunjukkan ketidakpastian. Ianya dipengaruhi oleh faktor-faktor luaran antaranya pergerakan nilai Dollar Amerika, kebimbangan mengenai komitmen pengeluaran minyak global terhadap perjanjian pengurangan pengeluaran minyak, dan baru-baru ini, jangkaan peningkatan pengeluaran minyak shale di Amerika Syarikat dan lain-lain.

Katanya, walaupun harga minyak ini dijangka akan stabil, namun ia berada pada kadar yang jauh rendah berbanding harga melebihi USD100 setong yang pernah dicapai bagi komoditi ini tiga tahun lepas.

Apa yang pasti, tambahnya, sebagai negara pengeluaran minyak, kedudukan harga minyak dunia akan terus mempengaruhi ekonomi negara ini.

Ke arah itu, terangnya, bagi mendukung usaha penstabilan harga minyak dunia, Negara Brunei Darussalam bersama 10 negara pengeluar minyak bukan OPEC telah bersetuju menyertai Deklarasi Kerjasama Ahli OPEC / Bukan OPEC pada bulan Disember 2016 yang lalu.

"Melalui kerjasama ini, negara akan melaksanakan penyelarasan sukarela bagi pengeluaran minyak mentah negara mulai 1 Januari 2017 selama enam bulan, yang boleh dilanjutkan selama enam bulan lagi, bergantung kepada keadaan pasaran dan prospek semasa," katanya.

Dari sudut perbelanjaan, pula tambah Yang Berhormat, pihak kerajaan akan terus mengambil



langkah-langkah pengawalan agar sumber kewangan negara lebih ditumpukan kepada usaha membangun asas ekonomi yang luas dan *sustainable* dalam jangka masa panjang. Ke arah itu, dasar *Fiscal Consolidation* dan *Fiscal Sustainability* akan terus menjadi teras dalam pengurusan kewangan kerajaan.

Dengan mengambil kira kedudukan fiskal negara yang berhadapan dengan cabaran defisit pada Tahun Kewangan 2016/2017, kerajaan jelas Yang Berhormat akan terus meningkatkan usaha-usaha untuk mengurangkan defisit belanjawan negara. Langkah ini bertujuan untuk mewujudkan 'Fiscal Space' yang cukup, agar perbelanjaan Kerajaan akan dapat disalurkan kepada mendukung aktiviti-aktiviti perekonomian yang dikenalpasti.

Perkara ini sejajar dengan dasar mempelbagaian sumber ekonomi negara, dengan membina asas ekonomi yang lebih kukuh, luas dan berdayatahan.

Dengan mengambil kira keperluan ini, jelas Yang Berhormat cadangan Belanjawan bagi Tahun Kewangan 2017/2018 ini, dirancang dengan tema Belanjawan Seimbang Bagi Mendukung Pertumbuhan Ekonomi Yang Mampan (*Sustainable*).

# Penubuhan Bursa Saham sedang giat dijalankan

Laporan : Haji Ahmad Haji Salim

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Hernie Suliana Haji Othman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 7 Mac. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim berkata, setakat ini, Pelaburan Langsung Asing yang telah beroperasi di negara ini bernilai sebanyak USD925 juta.

Menurut Yang Berhormat, ia telah dapat menjana sebanyak 621 pekerjaan secara langsung bagi anak-anak tempatan, di samping negara juga pada masa ini, giat melaksanakan projek Pelaburan Langsung Asing yang bernilai kira-kira USD5 bilion dan menimbangkan beberapa cadangan projek-projek yang keseluruhannya bernilai USD11 bilion, dalam pelbagai kluster seperti *downstream*, perkhidmatan perniagaan dan produk Halal.

"Bagi menjadikan Negara Brunei Darussalam sebuah destinasi perdagangan yang kompetitif, kerajaan telah mewujudkan Zon Perdagangan Bebas (Free Trade Zone - FTZ) bagi mendukung dan mengembangkan aktiviti-aktiviti pembuatan (manufacturing) dan pengeksportan mahupun *re-export*.

Melalui FTZ ini, barangan yang dipunggah, di kilang dan dikeluarkan hanya perlu melalui proses kastam yang minima," ujar Yang Berhormat ketika pembentangan Kertas Cadangan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan 2017 / 2018 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang masuk hari kedua berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Menurut Yang Berhormat, pada peringkat ini satu tapak di Kampung Terunjing, Daerah Brunei dan Muara seluas 96 hektar telah dikenal pasti bagi tujuan tersebut dan FTZ ini akan diperluaskan mengikut keperluan dari semasa ke semasa.

Selain itu katanya, usaha juga sedang giat dijalankan bagi menubuhkan Bursa Saham di negara ini yang mana melalui penubuhan Bursa Saham ini, ia akan dapat memberikan peluang alternatif pembiayaan kepada para peniaga dan pelaburan tempatan serta seterusnya jua memberi peluang orang ramai di negara ini untuk melabur dalam syarikat-syarikat tempatan yang disenaraikan.

Dalam pada itu, tambah Yang Berhormat, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam, telah pun memperkenalkan penubuhan sebuah Bank SME.

"Penubuhan Bank SME ini dihasratkan untuk memberikan perkhidmatan pinjaman kepada aktiviti sektor swasta yang dapat diakses dengan mudah (*accessible financing*), yang juga diharap akan dapat menggalakkan *start-up* di negara ini. InsyaaAllah, transaksi bank ini nanti, termasuk kemudahan-kemudahan pinjaman kewangan yang disediakan, akan mematuhi prinsip-prinsip Syariah (*Shariah compliance*)," jelasnya.

Dalam pembentangan kertas cadangan itu, Yang Berhormat berkata, kerajaan melalui Darussalam Assets juga telah melaksanakan usaha untuk meningkatkan dan mengukuhkan prestasi Syarikat-Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLCs) di bawahnya, agar menyumbang secara signifikan kepada produktiviti negara.

"Darussalam Assets juga bekerja rapat dengan pihak pengurusan GLCs bagi menyediakan pelan perniagaan strategik untuk menetapkan hala tuju setiap GLC. Usaha sama dengan Darussalam Assets setakat ini telah dapat memperbaiki prestasi kewangan dan operasi syarikat dan mendukung usaha pengukuhan sektor swasta di negara ini. Melalui operasi GLC yang kukuh, selain dari menyumbang kepada perkembangan



**ANTARA yang hadir mendengarkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.**

sektor swasta, GLC juga dapat memberikan peluang pekerjaan yang berkualiti kepada penduduk tempatan," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa untuk memastikan projek-projek operasi perindustrian di negara ini mematuhi amalan-amalan terbaik antarabangsa, kerajaan juga telah menubuhkan satu badan autoriti; iaitu Safety, Health and Environment National Authority (SHENA) yang

bertanggungjawab untuk memantau aspek-aspek keselamatan dan penekanan dan keutamaan tempat kerja di semua sektor.

Penubuhan autoriti ini ujarnya, diharap akan dapat meningkatkan penekanan dan keutamaan kepada isu-isu keselamatan di tempat kerja, bagi mengawal dari berlakunya insiden-insiden yang tidak diingini yang setentunya memberi impak kepada tahap produktiviti.

# JPM sebagai *lead agency* terajui hasrat Kebawah DYMM

Laporan : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Hernie Suliana Haji Othman



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 7 Mac. – Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim berkata, JPM sebagai *lead agency* akan terus menerajui hasrat Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk meningkatkan perkhidmatan bagi mengembangmajukan sosioekonomi rakyat dan penduduk negara ini.

"Melalui usaha-usaha yang dilaksanakan untuk mempelbagaikan kegiatan perekonomian negara. JPM

melipat gandakan tumpuan dan komitmen bagi menyediakan iklim perniagaan yang lebih kondusif dan berdaya saing bagi membantu para peniaga dan usahawan termasuk peniaga-peniaga muda yang sedang dan akan bergiat cergas bagi mengembangmajukan perniagaan masing-masing," jelas Yang Berhormat ketika membentangkan Tumpuan Utama dan Perkara-Perkara Keutamaan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun Kewangan 2017 / 2018 pada hari kedua Persidangan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Menurut Yang Berhormat, matlamat JPM telah merancang dan sedang melaksanakan penambahbaikan dasar dan peraturan dalam memperkesankan lagi mutu pemberian perkhidmatan dengan menggunakan pendekatan *delivery* atau *delivery approach*.

Penelitian dan penambahbaikan tersebut jelas Yang Berhormat, akan memastikan setiap proses, prosedur dan peraturan akan bersifat mudah cara, mempercepatkan dan *business friendly*.

Ini selaras dan dalam masa yang sama mendukung tema Belanjawan Tahun Kewangan 2017 / 2018 iaitu "Belanjawan Seimbang bagi Mendukung Pertumbuhan Ekonomi Yang Mapan (*sustainable*)".

JPM tambah Yang Berhormat, telah merangka cadangan belanjawan ini berasaskan fokus-fokus yang penting iaitu Perkhidmatan Awam ke arah mencapai kecemerlangan

Perkhidmatan Awam seperti yang dihasratkan dalam Wawasan 2035.

Rangka Kerja Perkhidmatan Awam (Civil Service Framework) RKPA 2016 / 2020 adalah memandu arah dan peta, jalan bagi mencapai kecemerlangan tersebut.

Menurut Yang Berhormat, perekonomian dan perdagangan dalam menangani keadaan ekonomi yang lembab ketika ini JPM sedang melipatgandakan usaha untuk mempelbagaikan ekonomi peningkatan produktiviti, penarikan, Pelaburan Langsung Asing penyediaan iklim perniagaan yang kondusif dan penurunan kadar pengangguran.

"Undang-undang sosial dan kesejahteraan, JPM terus memainkan peranan yang aktif dalam usaha melaksanakan reformasi terhadap proses-proses dan undang-undang yang mendukung *pro-business* dalam usaha menjana ekonomi yang dinamik.

Pengurusan mahkamah dan juga penggubalan undang-undang akan diperkesankan agar lebih mudah, cepat dan dapat membantu peningkatan dalam petunjuk Ease of Doing Business," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah, media sekuriti dan hal ehwal antarabangsa, mendukung keselamatan masyarakat dan negara memfokuskan pada memelihara dan mempertahankan keselamatan dan kedaulatan negara dengan pendekatan secara holistik 'Whole of Nation Approach' semua *stakeholders* yang terdiri daripada agensi kerajaan dan penguatkuasaan



ANTARA Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet yang hadir semasa Persidangan Majlis Mesyuarat Negara pada sebelah petang.

akan terus bertindak merangka strategi untuk memelihara kestabilan politik, mempertahankan kedaulatan negara serta menghubungkan keupayaan pertahanan dan keupayaan diplomatik dan juga persediaan negara dalam menangani ancaman keselamatan.

## Kadar Cukai Pegangan akan dikurangkan berkuat kuasa 1 April 2017

Laporan : Haji Ahmad Haji Salim

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Hernie Suliana Haji Othman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 7 Mac. – Berkuat kuasa 1 April 2017, kadar Cukai Pegangan (Withholding Tax), iaitu cukai yang dikenakan ke atas pendapatan syarikat yang tidak bermastautin (*non-resident*) di negara ini akan dikurangkan, sebagai usaha untuk menggalakkan lagi aktiviti-aktiviti pelaburan dan perusahaan di negara ini.

Pengurangan kadar cukai itu adalah Cukai Pegangan bagi bayaran faedah pinjaman (*loan interest*) dikurangkan kepada 2.5 peratus daripada 15 peratus sebelumnya; dan Cukai Pegangan ke atas bayaran khidmat pengurusan (*management fees*) dikurangkan kepada 10 peratus berbanding 15 peratus sebelumnya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim berkata demikian semasa pembentangan Kertas Cadangan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan 2017/2018 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Yang Berhormat seterusnya berkata, dalam mendukung perkembangan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dan koperasi, beberapa program telah dilaksanakan antaranya Badan Khas PKS, Darussalam Enterprise (DARE) telah mengadakan sesi dialog terbuka, kumpulan fokus dan hari-hari terbuka peniaga.

"Sejak penubuhan pada Januari 2016, sebanyak 36 sesi dialog terbuka telah diadakan, dan beberapa hari terbuka peniaga telah dikendalikan, yang melibatkan 1,800 usahawan di negara ini," ujarnya.

Di samping itu, tambah Yang Berhormat, atas keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dua buah pasar baharu telah dibangunkan, iaitu Pasar Tamu Kianggeh dan Pasar Pelbagai Barangan Gadong bagi menggantikan Pasar Malam Gadong, yang dihasratkan untuk memudahkan para peniaga dan pengusaha tempatan yang terlibat untuk menjalankan perniagaan mereka dalam suasana lebih kondusif, mesra serta selesa, yang diharap akan menarik lebih

ramai pengunjung.

"Apa yang menarik ialah selain daripada pelbagai barangan yang ditawarkan, ialah penyertaan pengusaha-pengusaha kecil dari pelbagai peringkat umur dan kelulusan, termasuk graduan-graduan. Penyertaan pengusaha-pengusaha tempatan ini menunjukkan azam dan tekad yang tinggi mereka untuk berdikari, dengan menceburi bidang perniagaan yang mencabar," terangnya.

Katanya, selaras dengan hasrat kerajaan dalam menggalakkan pengusaha-pengusaha tempatan berkecimpung dalam bidang perniagaan, bersempena pelancaran Pasar Pelbagai Barangan Gadong, seramai 16 pengusaha berkelayakan yang beroperasi di pasar tersebut, telah menerima bantuan kewangan di bawah Skim Mikro Kredit yang dikendalikan oleh DARE.

Ke arah mendukung matlamat di bawah fokus ini, Yang Berhormat menyatakan peruntukan bersesuaian akan juga disediakan yang antaranya termasuklah, peruntukan bagi mendukung Pembangunan Kemajuan PMKS sebanyak BND5.0 juta di bawah Fokus Perbelanjaan.

Melalui peruntukan ini ujarnya, pihak DARE akan menjalankan program dalam memantapkan lagi suasana ekosistem PMKS serta pengendalian program dalam empat perkara, iaitu: memulakan sistem

penilaian dan peningkatan daya saing PMKS ke peringkat global; mengendalikan program-program bagi menggalakkan anak tempatan menceburi keusahawanan dan program latihan yang meningkatkan keupayaan *business skills* dan *financial literacy* melalui Akademi Bisnes Perindustrian (IBA); meluaskan akses bantuan kewangan dengan menggiatkan lagi Skim Pembiayaan Mikro Kredit yang telah mula dilaksanakan pada tahun 2016 dan menubuhkan Skim Geran Bersamaan (*co-matching grant*); serta meningkatkan *market access* bagi PMKS tempatan.

Manakala terangnya, sejumlah \$4.0 juta dengan Harga Rancangan sebanyak \$7.29 juta disediakan di bawah RKN untuk menyediakan

infrastruktur asas di Tapak Industri Ternakan Udang, Sungai Penyatang, Tutong dan Projek Pemeliharaan dan Peningkatan Infrastruktur Tapak-Tapak Industri sebanyak \$1.0 juta di bawah Fokus Perbelanjaan.

Di samping juga tambah Yang Berhormat, peruntukan sejumlah \$500,000.00 telah disediakan di bawah Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan bagi Perkembangan Perdagangan dan Penyediaan peruntukan bagi meningkatkan kapasiti Competent Authority dalam bidang Hazard Analysis and Critical Control Points (HACCP) yang bertujuan untuk memberikan akreditasi keselamatan makanan ke atas kilang-kilang pengeluaran makanan.



PEGAWAI-PEGAWAI kanan kerajaan yang hadir semasa pembentangan Kertas Cadangan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan 2017 / 2018 Majlis Mesyuarat Negara.

MAJLIS MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-13 MAJLIS MESYUARAT NEGARA (MMN) BOLEH DIBACA SETIAP HARI MELALUI LAMAN SESAWANG :

[www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)  
BAGI MENGETAHUI BERITA-BERITA PENUH.

# Berkenan berangkat menyempurnakan Istiadat Pembukaan Rasmi MMN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima tabik hormat diraja ketika berangkat menyempurnakan Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13 Majlis Mesyuarat Negara (MMN).

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 6 Mac. - Ke-13 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) untuk kepentingan negara dan kesejahteraan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan telah bermula bagi membincangkan pelbagai isu rakyat.



BERANGKAT sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri yang juga merupakan Ahli Rasmi Kerana Jawatan; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.



PARA jemputan dan pegawai-pegawai kanan kerajaan hadir semasa istiadat perasmian tersebut.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyempurnakan Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13 MMN yang berlangsung penuh tradisi di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri yang juga merupakan Ahli Rasmi Kerana Jawatan; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia di pekarangan Bangunan Dewan Majlis dijunjung oleh Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib.

Sejurus selepas itu, Kebawah DYMM berkenan menerima tabik hormat diraja dari barisan kawalan kehormatan yang terdiri daripada lebih 100 anggota Pasukan Polis Diraja Brunei yang diketuai oleh Pemangku Pegawai Pemerintah Pasukan Simpanan, Awang Haji Mohammad Khairul Amilin bin Haji Idris.

Baginda kemudian dijunjung berangkat masuk ke Dewan Persidangan dengan diiringi oleh Yang Di-Pertua MMN yang didahului oleh Bentara Dewan yang membawa Cokmar.

Pada istiadat tersebut, baginda berkenan mengurniakan titah.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Aziz bin Juned.

Baginda bersama-sama dengan anakanda dan adinda-adinda baginda berserta Ahli-Ahli MMN kemudian berkenan berangkat bagi sesi bergambar ramai.

MMN musim ini dipengerusikan oleh Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman.

Dibantu oleh Jurutulis I (Pertama) MMN, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar dan Timbalan Jurutulis MMN, Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail.

Persidangan MMN Ke-13 ini juga akan membahaskan Peruntukan Belanjawan Negara Bagi Tahun Kewangan 2017 dan 2018 Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan dan juga akan membahaskan serta meluluskan belanjawan bagi peruntukan kewangan kemajuan negara, usul menyembahkan menjunjung kasih atas keberangkatan dan kurnia titah Kebawah DYMM, soalan-soalan yang diberi notis dan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan 2017 / 2018.

MMN ditubuhkan menurut Bab 23 dari



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyempurnakan Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13 MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.



DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, DYTM Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; DYTM Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan DYTM Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah semasa berkenan menerima tabik hormat diraja.

Perlembagaan Negeri Brunei, 1959 dan ahli-ahlinya dilantik menurut Bab 24. MMN telah dibubarkan pada tahun 1984.

Pada 25 September 2004, MMN telah mula

bersidang semula. Majlis ini dipengerusikan oleh Yang Di-Pertua MMN yang dilantik oleh baginda.

Hadir sama pada Istiadat Pembukaan Rasmi

tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja, Ahli Majlis Mengangkat Raja, Timbalan-Timbalan Menteri, Ahli Majlis

Ugama Islam, Duta-Duta Besar, Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Tinggi Luar Negeri, Setiausaha-Setiausaha Tetap dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.



BENTARA Dewan yang membawa Cokmar masuk ke dalam Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.



SUASANA UPACARA Perbarisan Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada lebih 100 anggota Pasukan Polis Diraja Brunei.



Laporan : Aimi Sani  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Hamzah Mohidin, HERNIE SULIANA Haji Othman, Mohd. Sahrizal Haji Said



## IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI

[www.recruitment.gov.bn](http://www.recruitment.gov.bn)

PERATURAN 7(A)

BILANGAN IKLAN 20/03/17 (SPA/BIKL)

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH IKLAN: 08 MAC 2017

TARIKH TUTUP: 22 MAC 2017

<p>1. JURURAKAM MAHKAMAH (COURT RECORDER) C.1-2 EB.3 BAHAGIAN III JABATAN KEHAKIMAN NEGARA JABATAN PERDANA MENTERI KEKOSONGAN: 6</p>	<p>2. PEMANDU TINGKAT II F.3-4 EB.5 ATAU F.2-3-4 EB.5 BAHAGIAN V JABATAN-JABATAN KERAJAAN KEKOSONGAN: 2</p>
--	---

### UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan *Announcement* di [www.recruitment.gov.bn](http://www.recruitment.gov.bn)

HELPLINE:



TALIAN DARUSSALAM 123



### KEMENTERIAN PERTAHANAN

No Tawaran :  
JPPK/LTN/02/2017

Tajuk Tawaran :

PROPOSED NEW MRS, BOLKIAH GARRISON (BALANCE OF WORKS)  
- NEW CONCRETE STAIRCASE

Yuran Tawaran :

BND30.00 (tidak dikembalikan)

Kelas : III DAN KE ATAS

Kategori : BO1

Tempoh Penyiapan : 4 BULAN

No Tawaran :  
JPPK/LTN/03/2017

Tajuk Tawaran :

PROPOSED NEW MRS, BOLKIAH GARRISON (BALANCE OF WORKS)  
- SUPPLY AND INSTALLATION OF LOOSE FURNITURE

Yuran Tawaran :

BND30.00 (tidak dikembalikan)

Kelas : III DAN KE ATAS SAHAJA

Kategori : P06

Tempoh Penyiapan : LIMA (5) BULAN

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Kementerian Pertahanan, Blok 'C', Tingkat Bawah, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Bolkih Garrison, BB3510, Negara Brunei Darussalam, **tidak lewat jam 2.00 Petang, Selasa, 28 Mac 2017.**

Syarat-syarat dan dokumen-dokumen bolehlah diperolehi dari Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja, di Tingkat 1, Blok D, Bangunan Kementerian Pertahanan, Bolkih Garrison, BB3510, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat). **Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada 24 Mac 2017, Jumaat, jam 11.00 Pagi.**



### JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA KEMENTERIAN KEWANGAN

1. TAWARAN KASTAM 01/2017  
PEMELIHARAAN  
(PEMBERSIHAN) BANGUNAN  
DAN KAWASAN IBU PEJABAT  
JABATAN KASTAM DAN  
EKSAIS DIRAJA,  
JALAN MENTERI BESAR,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

2. TAWARAN KASTAM 02/2017  
PEMELIHARAAN  
(PEMBERSIHAN) BANGUNAN  
DAN KAWASAN POS KAWALAN  
JABATAN KASTAM DAN EKSAIS  
DIRAJA, SUNGAI TUJUH,  
NEGARA BRUNEI  
DARUSSALAM.

3. TAWARAN KASTAM 03/2017  
PEMBERSIHAN TANDAS AWAM  
POS KAWALAN KASTAM  
SUNGAI TUJUH,  
DAERAH BELAIT,  
NEGARA BRUNEI  
DARUSSALAM.

4. TAWARAN KASTAM 06/2017  
PEMBERSIHAN TANDAS AWAM  
POS KAWALAN KASTAM  
KUALA LURAH,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

5. TAWARAN KASTAM 07/2017  
PEMBERSIHAN TANDAS AWAM  
POS KAWALAN KASTAM  
LABU DAN UJUNG JALAN,  
DAERAH TEMBURONG,  
NEGARA BRUNEI  
DARUSSALAM.

SYARAT-SYARAT dan borang penyertaan bolehlah diperolehi di Bahagian Pengurusan Projek-Projek Tingkat 3, Bangunan Ibu Pejabat Kastam Dan Eksais Diraja, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam.

Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Sebut Harga Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam dalam sampul surat yang tertutup rapat (*sealed*) pada :

Hari : SELASA  
Tarikh : 28 March 2017  
Jam : 2.00 PETANG

Tarikh bagi membuat pemeriksaan tempat (*SITE INSPECTION*) bagi tujuan penilaian dan tafsiran adalah pada 16, 20, 21, 22 dan 23 Mac 2017, jam 9.00 Pagi sahaja.

1. TAWARAN KASTAM 04/2017  
PERKHIDMATAN  
PENGANGKUTAN DAN  
PEMBUANGAN SAMPAH,  
JABATAN KASTAM DAN  
EKSAIS DIRAJA  
POS KAWALAN SUNGAI TUJUH,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

2. TAWARAN KASTAM 09/2017  
PERKHIDMATAN  
PENGANGKUTAN DAN  
PEMBUANGAN SAMPAH,  
JABATAN KASTAM DAN  
EKSAIS DIRAJA 'MCT'  
MUARA,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

3. TAWARAN KASTAM 10/2017  
PERKHIDMATAN  
PENGANGKUTAN DAN  
PEMBUANGAN SAMPAH,  
BANGUNAN FLAT,  
JABATAN KASTAM DAN  
EKSAIS DIRAJA  
JALAN SABUN MUARA,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Syarat-syarat dan borang penyertaan bolehlah diperolehi di Bahagian Pengurusan Projek-Projek Tingkat 3, Bangunan Ibu Pejabat Kastam Dan Eksais Diraja, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam.

Tawaran hendaklah dimasukkan kedalam Peti Tawaran Sebut Harga Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam dalam sampul surat yang tertutup rapat (*sealed*) pada:

Hari : SELASA  
Tarikh : 28 March 2017  
Jam : 2.00 PETANG

Tarikh bagi membuat pemeriksaan tempat (*SITE INSPECTION*) bagi tujuan penilaian dan tafsiran adalah pada 16, 20, 21, 22 dan 23 Mac 2017, jam 9.00 Pagi sahaja.



### JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG  
DI DALAM KELAS : IV SAHAJA  
KATEGORI : KA01

TARIKH MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN PADA :  
8 Mac 2017 (RABU)

TARIKH AKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN PADA :  
TIDAK LEWAT DARI JAM 3.30 PETANG,  
SELASA, 28 Mac 2017 (SELASA)

TARIKH TUTUP :  
TIDAK LEWAT DARI JAM 2.00 PETANG, SELASA, 4 April 2017

BIL. : JKR/DOR/SRC 02/2017

### NAMA PROJEK :

PENYEDIAAN TAPAK RUMAH DAN INFRASTRUKTUR  
DI KAWASAN TAPAK GANTIAN KAMPUNG TUNGGULIAN,  
MUKIM LIANG DAERAH BELAIT

YURAN TAWARAN : BND1,000.00  
(TIDAK DIKEMBALIKAN)  
E-DOKUMEN : TIDAK ADA

SYARAT-SYARAT tawaran dan dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**JABATAN MUFTI KERAJAAN  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**BILANGAN TAWARAN : JMK/BTB/T/A/2017/02**  
**PER. : TAWARAN BAGI KERJA-KERJA**  
**MEMBERSIHKAN KAWASAN LUAR DAN DALAM**  
**BANGUNAN DARULIFTA BRUNEI DARUSSALAM, JABATAN MUFTI KERAJAAN,**  
**JABATAN PERDANA MENTERI, SIMPANG 26,**  
**JALAN PENGIRAN BABU RAJA,**  
**BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
**(BLOK PENTADBIRAN DAN PERPUSTAKAAN DAN BALAI**  
**PAMERAN ISLAM SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH)**  
**BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN**

**Tarikh Tutup :**  
**Tidak lewat dari jam 2.00 Petang,**  
**Selasa, 29 Jamadilakhir 1438H bersamaan 28 Mac 2017M.**

Pengambilan borang tawaran dan bayaran **BND10.00 (Sepuluh Ringgit sahaja)** secara tunai akan dikenakan bagi tiap-tiap satu dokumen tawaran (tidak dikembalikan) mulai **13 Mac 2017** sehingga **27 Mac 2017** dari jam **8.30 Pagi** hingga **11.00 Pagi** dan dari jam **2.30 Petang** hingga **3.30 Petang** pada hari bekerja.

Syarat-syarat dan keterangan lebih lanjut boleh merujuk ke **Bahagian Perancangan dan Kewangan, Jabatan Mufti Kerajaan.**

**JABATAN PENGAJIAN ISLAM  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

**IKLAN TAWARAN PERKHIDMATAN**  
**KANTIN BAGI SEKOLAH-SEKOLAH**  
**UGAMA ARAB JABATAN PENGAJIAN**  
**ISLAM, KEMENTERIAN HAL EHWAL**  
**UGAMA BAGI TEMPOH**  
**TIGA (03) TAHUN**

**JALAN RAJA ISTERI**  
**PENGIRAN ANAK SALEHA**

**DAERAH TUTONG**  
**BIL. RUJUKAN TAWARAN 1:**  
**KHEU / JPI / BBP3 / K / 06 / 06**  
**NAMA SEKOLAH UGAMA ARAB:**  
**MA'HAD ISLAM BRUNEI, DAERAH**  
**TUTONG**  
**Tarikh Tutup Mengambil borang :**  
**22 Jamadilakhir 1438H / 21 Mac 2017M**  
**(Hari Selasa)**  
**Tarikh Akhir Menghantar :**  
**23 Jamadilakhir 1438H / 22 Mac 2017M**  
**(Hari Rabu) Tidak lewat jam 2.00 Petang**

**DAERAH BRUNEI DAN MUARA**  
**BIL. RUJUKAN TAWARAN NAMA**  
**SEKOLAH UGAMA ARAB**  
**BIL. RUJUKAN TAWARAN 1:**  
**KHEU / JPI / BBP3 / K / 03 / 06**  
**NAMA SEKOLAH UGAMA ARAB:**  
**SEKOLAH UGAMA ARAB**  
**MENENGAH PEREMPUAN RAJA**  
**ISTERI PENGIRAN ANAK DAMIT,**  
**JALAN RAJA ISTERI PENGIRAN**  
**ANAK SALEHA**

**BIL. RUJUKAN TAWARAN 2:**  
**KHEU / JPI / BBP3 / K / 04 / 06**  
**NAMA SEKOLAH UGAMA ARAB:**  
**SEKOLAH PERSEDIaan ARAB**  
**BANDAR SERI BEGAWAN,**

Syarat-syarat dan borang-borang tawaran sebut harga boleh diperolehi di : **Bahagian Kewangan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Blok 2 I, Tingkat 4, Kondominium Ong Sum Ping, Jalan Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan BA1311, Negara Brunei Darussalam.**

**JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN & REKREASI  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG**  
**DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
**KELAS IV, V DAN VI DAN KATEGORI S01**

**Tarikh Buka Tawaran : 8 Mac 2017 (Rabu)**  
**Tarikh Tutup : 4 April 2017 (Selasa) hingga jam : 2.00 Petang**

**(Ditutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil**  
**Tingkat Bawah Bangunan Kementerian Pembangunan**  
**Lapangan Terbang Lama Berakas**  
**Bandar Seri Begawan, BB3510**  
**Negara Brunei Darussalam).**

**JASTRE / BPP / T001 / 2017**

**KERJA-KERJA OPERASI DAN PEMELIHARAAN DI STESEN PINDAH SG. AKAR DAN**  
**TAPAK PELUPUSAN SG. PAKU BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN**  
**NO. PROJEK : JASTRE / BPP / T001 / 2017**

**JUMLAH YURAN TAWARAN : B\$1,000.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)**

**KEMENTERIAN KESIHATAN**

SYARAT-SYARAT dan keterangan lebih lanjut boleh merujuk **Kementerian Kesihatan** dan melalui *website* : [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn) tidak lewat dari jam 2.00 Petang, hari Selasa pada 21 Mac 2017.

**TAWARAN**

**BIL TAWARAN:**  
**KK/19/2017 (PKK)(TC)**  
**KETERANGAN :**  
**DOMESTIC WASTE COLLECTION**  
**AND DISPOSAL SERVICES FOR**  
**HEALTH CENTRES AND CLINICS FOR**  
**THE TUTONG DISTRICT (ZONE C)**  
**FOR A PERIOD OF THREE (3)YEARS**

**BILANGAN TAWARAN:**  
**KK/20/2017 (PKK)(TC)**  
**KETERANGAN:**  
**DOMESTIC WASTE COLLECTION**  
**AND DISPOSAL SERVICES FOR**  
**HEALTH CENTRES AND CLINICS FOR**  
**THE BRUNEI-MUARA DISTRICT**  
**(ZONE B) FOR A**  
**PERIOD OF THREE (3)YEARS**  
**SETIAP YURAN TAWARAN: BND10.00**

**BILANGAN TAWARAN:**  
**KK/21/2017 (PKK)(TC)**  
**KETERANGAN:**  
**DOMESTIC WASTE COLLECTION**  
**AND DISPOSAL SERVICES FOR**  
**HEALTH CENTRES AND CLINICS FOR**  
**THE BRUNEI-MUARA DISTRICT**  
**(ZONE A) FOR A**  
**PERIOD OF THREE (3)YEARS**  
**YURAN TAWARAN: BND10.00**

**BILANGAN TAWARAN:**  
**KK/22/2017 (PKK)(TC)**

**KETERANGAN:**  
**CLINICAL / BIOHAZARD WASTE**  
**COLLECTION AND DISPOSAL**  
**SERVICES FOR HEALTH CENTRES**  
**AND CLINICS FOR THE BRUNEI-**  
**MUARA DISTRICT (ZONE A) FOR A**  
**PERIOD OF THREE (3)YEARS**

**YURAN TAWARAN: BND10.00**

**BILANGAN TAWARAN:**  
**KK/23/2017 (JPR)(TC)**  
**KETERANGAN:**  
**SUPPLY AND DELIVERY OF**  
**BICARBONATE DIALYSATE PART A**  
**AND PART B FOR RENAL SERVICES**  
**FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS**  
**YURAN TAWARAN: BND500.00**

**BILANGAN TAWARAN:**  
**PHARM/31/2017**  
**KETERANGAN:**  
**THE SUPPLY AND DELIVERY OF**  
**MEDICINES FOR THE DEPARTMENT**  
**OF PHARMACEUTICAL SERVICES,**  
**MINISTRY OF HEALTH**  
**YURAN TAWARAN: BND10.00**

**BILANGAN TAWARAN:**  
**PHARM/32/2017**  
**KETERANGAN:**  
**THE SUPPLY AND DELIVERY OF**  
**MEDICINES FOR THE DEPARTMENT**  
**OF PHARMACEUTICAL SERVICES,**  
**MINISTRY OF HEALTH**  
**YURAN TAWARAN: BND30.00**

**BILANGAN TAWARAN:**  
**PHARM/33/2017**  
**KETERANGAN:**  
**THE SUPPLY AND DELIVERY OF**

**MEDICINES FOR THE DEPARTMENT**  
**OF PHARMACEUTICAL SERVICES,**  
**MINISTRY OF HEALTH**  
**YURAN TAWARAN: BND10.00**

**BILANGAN TAWARAN:**  
**PHARM/34/2017**  
**KETERANGAN:I**  
**THE SUPPLY AND DELIVERY OF**  
**MEDICINES FOR THE DEPARTMENT**  
**OF PHARMACEUTICAL**  
**SERVICES, MINISTRY OF HEALTH**  
**YURAN TAWARAN: BND10.00**

**BILANGAN TAWARAN:**  
**PHARM/35/2017**  
**KETERANGAN:**  
**THE SUPPLY AND DELIVERY OF**  
**MEDICINES FOR THE DEPARTMENT**  
**OF PHARMACEUTICAL**  
**SERVICES, MINISTRY OF HEALTH**  
**YURAN TAWARAN: BND30.00**

**BILANGAN:**  
**PHARM/36/2017**  
**KETERANGAN:**  
**THE SUPPLY AND DELIVERY OF**  
**MEDICINES FOR THE DEPARTMENT**  
**OF PHARMACEUTICAL**  
**SERVICES, MINISTRY OF HEALTH**  
**YURAN TAWARAN: BND30.00**

**BILANGAN TAWARAN:**  
**PHARM/37/2017**  
**KETERANGAN:**  
**THE SUPPLY AND DELIVERY OF**  
**MEDICINES FOR THE DEPARTMENT**  
**OF PHARMACEUTICAL**  
**SERVICES, MINISTRY OF HEALTH**  
**YURAN TAWARAN: BND30.00**

**BILANGAN TAWARAN:**  
**PHARM/38/2017**  
**KETERANGAN:**  
**THE SUPPLY AND DELIVERY OF**

**MEDICINES FOR THE DEPARTMENT**  
**OF PHARMACEUTICAL**  
**SERVICES, MINISTRY OF HEALTH**  
**YURAN TAWARAN: BND10.00**

**BILANGAN TAWARAN:**  
**PHARM/39/2017**  
**KETERANGAN:**  
**THE SUPPLY AND DELIVERY OF**  
**MEDICINES FOR THE DEPARTMENT**  
**OF PHARMACEUTICAL**  
**SERVICES, MINISTRY OF HEALTH**  
**YURAN TAWARAN: BND10.00**

**TAWARAN**  
**BILANGAN TAWARAN:**  
**PHARM/40/2017**  
**KETERANGAN:**  
**THE SUPPLY AND DELIVERY OF**  
**MEDICINES FOR THE DEPARTMENT**  
**OF PHARMACEUTICAL**  
**SERVICES, MINISTRY OF HEALTH**  
**YURAN TAWARAN: BND30.00**

**BILANGAN TAWARAN:**  
**PHARM/41/2017**  
**KETERANGAN:**  
**THE SUPPLY AND DELIVERY OF**  
**MEDICINES FOR THE DEPARTMENT**  
**OF PHARMACEUTICAL**  
**SERVICES, MINISTRY OF HEALTH**  
**YURAN TAWARAN: BND30.00**

**BILANGAN TAWARAN:**  
**PHARM/42/2017**  
**KETERANGAN:**  
**THE SUPPLY AND DELIVERY OF**  
**MEDICINES FOR THE DEPARTMENT**  
**OF PHARMACEUTICAL**  
**SERVICES, MINISTRY OF HEALTH**  
**YURAN TAWARAN: BND30.00**

**TARIKH TUTUP:**  
**Tidak lewat jam 2.00 Petang, 21 Mac 2017**



JABATAN PENGAJIAN ISLAM  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

IKLAN TAWARAN PERKHIDMATAN  
KANTIN BAGI SEKOLAH ARAB  
JABATAN PENGAJIAN ISLAM,  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA  
BAGI TEMPOH TIGA (03) TAHUN  
DAERAH BRUNEI DAN MUARA

BIL 1. RUJUKAN TAWARAN:  
KHEU / JPI / BBP3 / K / 52/ 17

NAMA SEKOLAH UGAMA:  
SEKOLAH UGAMA (ARAB)  
MENENGAH PEREMPUAN RAJA  
ISTERI PENGIRAN ANAK HAJAH SALEHA

Tarikh Tutup Mengambil borang :  
15 Jamadilakhir 1438H / 14 Mac 2017M (Hari Selasa).  
Tarikh Akhir Menghantar :  
16 Jamadilakhir 1438H / 15 Mac 2017M (Hari Rabu)  
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Syarat-syarat dan borang-borang tawaran sebut harga boleh diperolehi di Bahagian Kewangan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwat UGAMA, Blok 2 I, Tingkat 4, Kondominium Ong Sum Ping, Jalan Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan BA1311, Negara Brunei Darussalam.



TABUNG AMANAH PEKERJA  
KEMENTERIAN KEWANGAN

TENDER NO : TAP/FIN/04.8/RFQ/16-17:002

REQUEST FOR TENDER

RENEWAL OF INSURANCE FOR  
SURVIVORSHIP BENEFIT OF  
SUPPLEMENTAL CONTRIBUTION  
PENSION (SCP)

1. TABUNG Amanah Pekerja (TAP) invites tender submissions from reputable local companies to undertake the renewal of insurance for survivorship benefit of Supplement Contribution Pension (SCP).  
2. The Tender Document and details can be obtained from :

Procurement Unit  
Tabung Amanah Pekerja, Tingkat 14  
Bangunan Persekutuan Guru-Guru Melayu  
Brunei (PGGMB)  
Jalan Kianggeh, Bandar Seri Begawan,  
BSB8111  
Brunei Darussalam  
Collection time : Monday to Thursday,  
Saturday (8.00 - 11.30 AM and 2.00 - 3.30 PM)

3. Local companies with at least 3 years experience

in implementing the above mentioned service locally is a pre-requisite.

4. The Tender Document fee is **BND2,000.00** and shall be payable to TAP upon collection of Tender Document. The Tender Document fee shall be paid to TAP and is non-refundable.

5. Deadline for payment of non-refundable Tender Document fee and issuance of Tender Document is no later than 3.00PM on **Wednesday, 15 March 2017**.

6. All submission must be submitted into TAP Tender Box to the address below **no later than 2.30PM on Wednesday, 22 March 2017**.

7. The Completed Tender Document must be submitted in a sealed envelope and clearly marked:

**Jawatankuasa Tender dan Sebut Harga  
Tabung Amanah Pekerja, Tingkat Bawah  
Bangunan Persekutuan Guru-Guru Melayu  
Brunei (PGGMB)  
Jalan Kianggeh, Bandar Seri Begawan  
BSB8111  
Negara Brunei Darussalam.**

8. For further inquiries, please contact Procurement Unit at +673 2382929 ext. 708 or email to [tender@tap.com.bn](mailto:tender@tap.com.bn).



JABATAN PERBENDAHARAAN  
KEMENTERIAN KEWANGAN

PEMBERITAHUAN SEBUT HARGA

BILANGAN SEBUT HARGA :  
JPKK/A/479.Q8/2016

TAJUK SEBUT HARGA :  
PEMBEKALKAN, PENGHANTARAN, PEMASANGAN DAN UJI CUBA  
PERALATAN GUNA-HABIS BAGI FACILITY INFRASTRUCTURE  
SERVICE (FIS), PUSAT DATA KEMENTERIAN KEWANGAN

Tarikh Tutup / Jam :  
13 Mac 2017 (Isnin), 9.00 Pagi

Syarat-syarat dan tempat mengambil borang sebut harga:

Peti Sebut Harga (Quotation Box)  
Jabatan Perbendaharaan  
Level 2, Tower Block  
Bangunan Kementerian Kewangan  
Commonwealth Drive, BB3910  
Negara Brunei Darussalam.



JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

BIL. NAMA PROJEK

1. TAWARAN BILANGAN

JDBM / Q / 11 / 2017

TAWARAN

PENSWASTAAN KERJA-KERJA  
PEMBERSIHAN DAN PEMELIHARAAN  
BANGUNAN DAN KAWASAN- KAWASAN  
PERSEKITARAN PASAR PANTAI JERUDONG,  
MUKIM SENGKURONG,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen tawaran boleh diperolehi di Bahagian Kewangan, Tingkat 1 Bangunan Baru Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Negara Brunei Darussalam dengan bayaran **BND10.00 (Ringgit : Sepuluh Sahaja)** secara tunai bagi setiap satu dokumen tawaran dan pentadbiran (tidak dikembalikan).

**TIDAK LEWAT HARI SELASA,  
14 MAC 2017, JAM 2.00 PETANG**



KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

REQUEST  
FOR PROPOSAL (RFP) FOR  
INVESTMENT  
PROPOSALS TO DESIGN, BUILD,  
OPERATE, MAINTAIN AND  
TRANSFER BUMIPUTERA  
COMPLEX, PEKAN BANGAR,  
TEMBURONG

Build, Operate, Maintain and Transfer the shop units for a maximum concession period of **twenty (20) years**. At the end of the concession period, the complex will be transferred to the MoHA in good conditions.

To register for the RFP, interested parties should send an e-mail to [rfp.khedn@moha.gov.bn](mailto:rfp.khedn@moha.gov.bn) with the subject heading, **DESIGN, BUILD, OPERATE, MAINTAIN AND TRANSFER BUMIPUTERA COMPLEX, PEKAN BANGAR, TEMBURONG** and attaching company profile.

More detailed information and guideline for submitting proposals will be provided in the Request for Proposal (RFP) document which can be obtained from Ministry of Home Affairs or through e-mail [rfp.khedn@moha.gov.bn](mailto:rfp.khedn@moha.gov.bn).

Completed proposal shall be sealed and delivered by hand or registered mail **no later than Tuesday, 18th April 2017, 2.00 Pm Brunei Darussalam time** to :

**MINI TENDER BOARD  
GROUND FLOOR  
MINISTRY OF HOME AFFAIRS  
JALAN JAMES PEARCE  
BANDAR SERI BEGAWAN, BS8610  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

MINISTRY of Home Affairs (MoHA) is seeking a suitable and reputable investor, hereinafter referred to as "Prospective Investor" to Design, Build, Operation, Maintain and Transfer (DBOMT) of Bumiputera Complex, Pekan Bangar, Temburong.

The MoHA intends to work with Prospective Investor on the basis of a (DBOMT) model as details below :

1) MoHA will provide land on lease for the redevelopment of Pasarneka Seria. The cost of premium including land annual tax will be borne by the Prospective Investor.

2) The Prospective Investor will redevelop the said area which includes public and community facilities.

3) The Prospective Investor will collect revenues from operating and leasing the area including public and community facilities as returns for their investment into the building. In return, the Prospective Investor is required to build and handover shop units and other development in that area by the end of the concession period including necessary infrastructure according to authorise requirement.

4) The Prospective Investor shall Invest, Design,



KEMENTERIAN KESIHATAN

DOKUMEN-DOKUMEN tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada Bahagian Pembelian dan Perbekalan, Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja, mulai hari **Sabtu, 11 Februari 2017**. Sila layari [website](http://www.moh.gov.bn) Kementerian Kesihatan [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn).

Dokumen dokumen tawaran hendaklah dihantar tidak lewat dari **jam 2.00 Petang, hari Selasa pada 14 Mac 2017**.

TAWARAN  
BIL TAWARAN :  
KK/16/2017 (HTD)(TC)

KETERANGAN :  
THE PROVISION OF  
MAINTENANCE SERVICES FOR  
SIEMENS EQUIPMENT FOR A  
PERIOD OF THREE (3) YEARS

YURAN TAWARAN : **BND1,000.00**  
TAWARAN TARIKH TUTUP :  
Tidak lewat jam 2.00 Petang,  
14 Mac 2017

BIL TAWARAN :  
KK/17/2017 (ESTETMOH)(TC)

KETERANGAN :  
FIVE (5) YEARS TERM  
CONTRACT FOR  
COMPREHENSIVE  
MAINTENANCE OF STERILIZING  
EQUIPMENT  
UNDER MINISTRY OF HEALTH

YURAN TAWARAN: **BND30.00**  
TAWARAN TARIKH TUTUP  
Tidak lewat jam 2.00 Petang,  
14 Mac 2017

IKLAN [WEBSITE](http://www.moh.gov.bn) PADA  
11 FEBRUARI 2017

# Lebih 80 ribu kunjungi Pesta Buku Brunei

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 7 Mac.- Lebih 80,000 pengunjung dicatatkan mengunjungi Pesta Buku Brunei dan Karnival Memperkasa Budaya Membaca 2017 iaitu hampir mencecah 60,000 atau kurang 20.5 peratus target Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Separuh dari jumlah pengunjung tersebut adalah terdiri daripada para pelajar sekolah.

Pemangku Pengarah DBP, Dayang Hajah Nortjah binti Haji Mohd. Hassan menyatakan demikian pada Majlis Penghargaan Pesta Buku Brunei dan Karnival Memperkasa Budaya Membaca 2017 di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Berhubung dengan penerbitan buku, DBP juga jelasnya menjalin kerjasama strategik dalam bidang penterjemahan dan penerbitan dengan Pusat Bahasa, Universiti Brunei Darussalam (UBD) sejak tahun 2014 yang mana kerjasama tertumpu kepada terjemahan buku tradisi lisan yang berunsurkan mitos

dan legenda.

Beliau menambah, buku cerita 'Nakhoda Manis' telah dipilih untuk merintis upaya penterjemahan dalam bahasa Inggeris yang mana ia dilaratkan ke dalam bahasa antarabangsa yang dipilih.

"Alhamdulillah, terjemahan dalam tujuh bahasa, iaitu bahasa Inggeris, Mandarin, Filipino, Perancis, Jerman, Korea dan Jepun telah dilancarkan," ujarnya.

Dalam pada itu, DBP katanya, ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan melalui UBD yang mana telah berjaya melaksanakan komitmen penterjemahan buku cerita rakyat yang bertujuan untuk pembelajaran, pemahaman dan penyerantauan cerita rakyat ke negara ini ke luar negara.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil penghargaan kepada para peserta Pesta Buku Brunei ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji

Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

Kemudian, tetamu kehormat menyempurnakan penyampaian derma amal berjumlah BND1,000 masing-masing kepada wakil dari Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam dan Pusat SMARTER Brunei.

Tetamu kehormat juga berpeluang menyaksikan Pameran Pesta Buku dan buku-buku terbitan terbaharu di petak jualan DBP.

Sebanyak 43 penyertaan dalam kalangan penerbit kerajaan dan swasta, tokoh-tokoh buku tempatan dan luar negara termasuk kegiatan karnival memperkasa budaya membaca menyertai pesta berkenaan.

Objektif penganjuran adalah untuk menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tentang kepentingan menggalakkan masyarakat celik ilmu pengetahuan dalam program pembangunan negara dan bagi menyemarakkan lagi Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 Tahun.

Ia juga bagi mendukung Wawasan Brunei 2035 dalam melahirkan masyarakat yang bermaklumat,



**TIMBALAN** Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar (tengah) semasa menyampaikan sijil penghargaan kepada syarikat yang menyertai Pesta Buku Brunei.

berpendidikan, berpengetahuan, pemikir, berkualiti dan berwawasan, selain dapat mengeratkan lagi jalinan kerjasama hubungan perniagaan dan

permuafakatan bagi merancang strategi untuk mengembangkan industri penerbitan buku di peringkat serantau dan antarabangsa.

# Peserta Bengkel Merombak Tesis Kepada Buku UNISSA terima sijil



**REKTOR UNISSA**, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal (kanan) menyampaikan cenderahati kepada fasilitator bengkel.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 6 Mac. - Seramai 17 peserta Bengkel Merombak Tesis Kepada

Buku menerima sijil mereka setelah menamatkan bengkel empat hari yang bermula 1 hingga 4 Mac lalu

di Auditorium, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Bengkel anjuran UNISSA melalui Pusat Penyelidikan dan Penerbitan (PPP) itu telah disertai oleh para peserta yang terdiri daripada tenaga akademik UNISSA, Universiti Brunei Darussalam, Politeknik Brunei, Pusat Sejarah dan Jabatan Muzium-Muzium.

Bengkel tersebut dikendalikan oleh Pengarah IUM Press, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Profesor Dr. Roosfa Hashim.

Antara lain objektif bengkel diadakan adalah untuk menggalakkan penglibatan ahli tenaga akademik terutama tenaga akademik tempatan dalam penerbitan bahan-bahan ilmiah, menyediakan keperluan latihan dalam bentuk kursus-kursus atau bengkel-bengkel bagi membimbing tenaga akademik supaya berkeyakinan dalam menghasilkan manuskrip yang bermutu untuk diterbitkan, dan menggalakkan dan membimbing tenaga akademik dalam penghasilan bahan terbitan bagi jurnal-jurnal berindeks SCOPUS, ISI dan indeks antarabangsa lainnya.

Majlis penutup bengkel dan penyampaian sijil para peserta serta sijil penghargaan kepada fasilitator telah diadakan pada hari Sabtu, 4 Mac 2017.

Sijil-sijil telah disampaikan oleh Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Hadir sama ialah Timbalan Rektor, Dr. Awang Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad; pegawai-pegawai utama UNISSA serta tenaga akademik

UNISSA.

Hasil bengkel ini diharapkan memberikan manfaat dan faedah kepada para peserta bagi meningkatkan minat dan keyakinan mereka untuk turut serta dalam penerbitan artikel dan buku-buku ilmiah.



**FASILITATOR** Bengkel, Pengarah IUM Press, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Profesor Dr. Roosfa Hashim bersama para peserta bengkel.

## HALUAN

Dari muka 2

### Keluaran sumber-sumber utama dan pelancongan dilipatgandakan

Pada waktu yang sama, dalam keinginan kita mempertingkatkan pengeluaran, perlulah juga mengambil kira akan kedayatahan (*sustainability*) sebagai satu prinsip dan panduan untuk melaksanakan program-program dan strategi-strategi pembangunan dengan mengurangkan pergantungan kepada sumber kewangan kerajaan. Oleh yang demikian, bagi memastikan pelaksanaan sesebuah projek yang lebih berkesan dan

*cost-effective*, KSSUP akan menggalakkan penyertaan pelabur dalam negeri dan luar negara melalui PPP seperti yang peramba / kaola / saya sebutkan tadi.

Dalam kerancangan kita merancang dan melaksanakan projek-projek dan aktiviti-aktiviti pembangunan ke arah menjana pertumbuhan ekonomi, isu-isu pemeliharaan alam sekitar juga akan diambil perhatian, demi mengekalkan alam persekitaran yang

sihat dan sentiasa bertahan sebagai satu khazanah negara yang sangat bernilai dan turut dinikmati oleh generasi akan datang.

Sebelum mengakhiri ucapan peramba / kaola / saya pada pagi ini, peramba / kaola / saya amat berharap, Yang Berhormat Ahli-Ahli MMN, akan sama-sama dapat membantu membarigakan Pelan Strategik KSSUP. Ini adalah bagi memastikan semua

pihak yang berkepentingan khususnya para peladang-peladang dan pengusaha-pengusaha sektor pelancongan akan dapat meraih dan memanfaatkannya sebagai satu peluang keemasan yang mendorong mereka bergiat dengan lebih agresif lagi. Ahli-ahli Yang Berhormat juga adalah dialu-alukan untuk berhubung terus dengan pihak kementerian ini dan berbincang mengenai apa juga isu-isu yang dapat menyumbang

kepada kesejahteraan orang ramai di Negara Brunei Darussalam ini.

Sekian sahaja ucapan alu-aluan ringkas peramba / kaola / saya bagi Sesi Muzakarah kita pada pagi ini. Semogalah sesi ini akan memberi manfaat kepada kita semua dalam usaha kita sama-sama membangun Negara Brunei Darussalam yang tercinta ini.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



# Komitmen AJK penting jayakan aktiviti takmir masjid



**JANGSAK**, Isnin, 6 Mac. - Pengimaran masjid bukanlah suatu yang mudah dan bukan hanya menjadi tanggungjawab pegawai masjid sahaja, tetapi juga Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir Masjidnya.

Setentunya komitmen AJK amat penting dalam menjayakan aktiviti takmir masjid kerana setiap kejayaan tidak akan dapat dicapai jika hanya satu pihak sahaja yang bergerak secara sendiri.

Justeru, dengan kerjasama kedua-dua pihak ini akan menjadikan masjid gilang-gemilang dengan pelbagai aktiviti takmir

**PENGARAH** Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh (kiri) menyampaikan Surat Lantikan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah kepada penerima.

**Siaran Akhbar dan Foto :**  
**Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama**

mereka.

Pentakmiran masjid juga bukan hanya dengan memperbanyakkan aktiviti-aktiviti yang berbentuk peraduan dan pertandingan yang dianjurkan tetapi meliputi pentakmiran secara keseluruhan khususnya aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pelaksanaan ibadah seperti sembahyang lima waktu, kuliah-kuliah ilmu dan lain-lain lagi.

Sehubungan itu, seramai 45 orang menerima Surat Lantikan AJK Takmir Masjid bagi Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah, yang diadakan di masjid berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, ialah Pengarah

Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh.

Majlis tersebut dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Imam Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Awang Haji Kamaluddin bin Haji Abd Rahim dan diikuti dengan ucapan pengerusi majlis.

Majlis diteruskan dengan penyampaian Surat Lantikan AJK Takmir Masjid yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis pada malam tersebut diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Terdahulu, sebelum majlis ini diadakan satu taklimat takmir masjid telah disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Jamil bin Haji Abdul Ghani.

## Pengagihan Wang Fidyah dan sedekah MKM



**MUARA**, Isnin, 6 Mac. - Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM) kini mengembangkan lagi Skim Pengagihan Wang Fidyah dan Sedekah melalui pemakanan murid-murid yang memerlukan di sekolah-sekolah.

Sehubungan itu, seramai 34 pelajar Sekolah Rendah Sultan Umar Ali Saifuddin (SUAS) Muara menerima ID bagi Skim Fidyah dan Minum Pagi bagi Sekolah Rendah SUAS Muara bersama MKM dan Yusof & Partners Syariah 2017.

Hadir selaku tetamu kehormat yang juga menyampaikan ID kepada penerima-penerima ialah Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Jabatan Sekolah-Sekolah, Dayang Hajah Jeriah binti Duraman.

**KETUA** Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Jabatan Sekolah-Sekolah, Dayang Hajah Jeriah binti Duraman menyampaikan ID kepada penerima Skim Fidyah.

**Oleh :** Rohani Haji Abdul Hamid  
**Foto :** Azmah Haji Ahad

Pelancaran Skim Pengagihan Wang Fidyah dan Sedekah akan dapat membantu pemakanan 232 penuntut di enam buah sekolah di Daerah Brunei dan Muara setiap hari sekolah sehingga tamat persekolahan tahun ini.

MKM ditubuhkan dan didaftarkan di bawah Pejabat Pendaftaran Pertubuhan sejak 2 Disember 2009 untuk membantu dan menangani isu-isu sosial dan pelbagai aspek kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini dalam menyalurkan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sejak ditubuhkan, MKM telah banyak melibatkan diri dengan kerja-kerja amal dan menumpukan keutamaan objektifnya kepada lima bahagian, iaitu Kebajikan Keluarga

dan Kanak-Kanak, Perkembangan Belia, Warga Emas / Orang Kurang Upaya, Kaji Selidik dan Maklumat dan Bidang Keagamaan.

Pada Januari 2014, MKM mula mengagihkan wang fidyah kepada sekolah rendah, iaitu Sekolah Rendah Sungai Hanching, Sekolah Rendah Haji Salleh dan pada bulan Januari 2015 dilartarkan kepada Sekolah Rendah Sengkurong dan 2016 di Sekolah Rendah Sultan Abdul Bubin, Sekolah Rendah Tanah Jambu, Sekolah Rendah Pintu Malim dan Sekolah Rendah SUAS Muara.

MKM tidak mengenakan sebarang bayaran bagi pengurusan perkhidmatan. Segala wang fidyah yang diserahkan kepada pihak MKM akan diagihkan sepenuhnya kepada para pelajar yang kurang berkemampuan.

## Projek Fastabiqul Khairat kutip 50 pain darah

**Berita dan Foto :** Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

**BERAKAS**, Isnin, 6 Mac. - Seramai 50 orang telah menderma darah semasa Kempen Derma Darah sempena Projek Fastabiqul Khairat Kementerian Pendidikan Ke-2 anjuran Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan melalui Unit Beruniform dan Perkhidmatan Kemasyarakatan, bertempat di Dewan Persidangan P1, Bangunan Lama, Kementerian Pendidikan, di sini.

Fastabiqul Khairat yang bermaksud berlumba-lumba melakukan kebajikan adalah sebuah acara kebajikan masyarakat yang merupakan projek tahunan Kementerian Pendidikan.

Selain Kempen Derma Darah, projek itu juga mengumpulkan dan mengagihkan bantuan berupa

makanan seperti beras wangi, gula tepung, minyak masak, mi kuning, mi hoon, sos kicap, lada, tomato, milo, teh, kopi, jus kordial dan kuih-muih kepada golongan susah dan yang memerlukan bagi warga Kementerian Pendidikan.

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk memberikan sumbangan pada 6 Mac hingga 22 April ini mulai jam 9.00 pagi hingga 4.00 petang (waktu bekerja sahaja) di Bangunan Jabatan Pendidikan Kokurikulum Kementerian Pendidikan di keempat-empat daerah.

Projek tersebut antara lain bertujuan untuk merealisasikan hasrat jabatan berkenaan ke arah pembentukan Unit Beruniform dan Perkhidmatan Kemasyarakatan, mengajak warga

Kementerian Pendidikan dan masyarakat awam dalam sama-sama membuat amal jariah.

Selain untuk membantu menambah Tabungan Simpanan Darah Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) sebagai usaha menyelamatkan nyawa dan melatih warga ahli-ahli pasukan beruniform agar bergiat aktif dalam melakukan kerja-kerja amal dan bergotong-royong serta mengeratkan silaturahim dalam kalangan ahli jawatankuasa, penderma dan penerima derma.

**KEMPEN** Derma Darah sempena Projek Fastabiqul Khairat Kementerian Pendidikan Ke-2 anjuran Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan melalui Unit Beruniform dan Perkhidmatan Kemasyarakatan, di Dewan Persidangan P1, Bangunan Lama, Kementerian Pendidikan.



# Cara penggunaan baki wang derma dan sumbangan

KELUARAN KEDUA

## Duit Derma Yang Berbaki

**A**DAKALANYA setelah wang derma yang dikutip itu diagih-agihkan kepada penerima atau dibelanjakan bagi sesuatu majlis, wang derma tersebut masih berbaki atau mempunyai lebih. Untuk menanganinya, pengelola perlu merangka cara penyelesaian yang terbaik dan yang pasti ia hendaklah menepati kehendak syarak.

Seperti yang telah dijelaskan, pengelola derma merupakan pemegang amanah dan dia wajib memelihara tujuan sesuatu derma itu dibuat yang merupakan niat para penderma. Dalam perkara wang derma yang berbaki, maka tetaplah ia dalam kedudukan wang derma yang wajib dipelihara tujuan derma itu dibuat dan wajib dipelihara niat para penderma.

Secara umum, sebahagian derma mempunyai tujuan yang lebih khusus berbanding yang lainnya. Umpamanya kutipan derma sebagai sumbangan hadiah bagi bakal-bakal haji tahun 1437 / 2016 dan derma kepada mangsa kebakaran di kampung yang terlibat, adalah lebih khusus berbanding Majlis Tahlil dan Doa Selamat Sekampung dan Majlis Khatam Al-Quran. Dalam erti kata lain, kutipan wang derma hanyalah bagi bakal-bakal haji untuk tahun yang disebutkan, iaitu bagi tahun 1437 / 2016, dan dalam bentuk hadiah ataupun sumbangan wang ringgit. Demikian juga halnya dengan kutipan derma mangsa kebakaran, ia adalah terhad untuk mangsa kebakaran di kampung terlibat.

Oleh yang demikian, baki atau lebih kutipan derma umpama derma Majlis Tahlil dan Doa Arwah Sekampung dan Majlis Khatam Al-Quran, bolehlah disimpan dan dijanjikan kepada majlis yang serupa pada masa yang akan datang. Ini kerana, boleh kita jangkakan, besar kemungkinan majlis dengan tujuan yang serupa pasti akan diadakan atau diumumkan lagi pada masa akan datang.

Bagaimanapun, jika baki atau lebih derma Majlis Tahlil atau Doa Arwah Sekampung hendak disalurkan untuk tujuan-tujuan atau perkara lain, seperti membeli peralatan untuk diwakafkan ke surau, disedekahkan, membeli hadiah sebagai cenderamata untuk ahli jawatankuasa dan baki selebihnya lagi disedekahkan, maka perkara ini tidak boleh dilakukan melainkan setelah diminta keizinan terlebih dahulu daripada para penderma. Ini kerana pada adat kebiasaannya, jika derma disebut adalah untuk Majlis Tahlil, maka ia hanyalah dibelanjakan untuk kegunaan majlis tersebut, khususnya menyediakan makan minum dan perkara yang berkaitan dengannya sahaja, seperti sewa tempat mengadakan majlis dan seumpamanya.

Manakala baki atau lebih kutipan derma yang lebih khusus lagi, umpamanya derma untuk sumbangan hadiah untuk kakitangan sesuatu bahagian yang bakal menunaikan fardu haji pada tahun 1437 / 2016, maka baki kutipan (derma) tersebut tidak boleh disalurkan atau diagihkan di majlis yang serupa di tahun-tahun yang akan datang. Sekiranya hendak dibuat demikian, pihak pengelola derma hendaklah terlebih dahulu memaklumkan kepada para penderma yang telah menghulurkan derma tersebut dengan tujuan meminta izin mereka dalam perkara ini. Ini kerana di dalam tujuan asal kutipan derma yang dibuat ada menyatakan bahawa derma tersebut akan dihadiahkan kepada bakal-bakal haji yang menunaikan haji pada tahun berkenaan, bukan jemaah haji di tahun-tahun yang akan datang.

Dalam perkara ini, lebih wang kutipan derma tersebut juga tidak boleh diserahkan kepada mana-mana pihak kebajikan termasuk Baitulmal atau digunakan bagi menampung perbelanjaan makanan, peralatan dan penyelenggaraan majlis meraikan bakal-bakal haji, kerana ia menyalahi tujuan asal kutipan derma tersebut dibuat dan sekali gus menyalahi niat orang-orang yang telah menghulurkan derma.

### Kesukaran Memberikan Makluman Kepada Para Penderma

Dalam perkara pengurusan baki derma untuk

digunakan pada perkara-perkara lain daripada tujuan asal derma tersebut dibuat, masalah yang seringkali dihadapi oleh pengelola ialah proses memberikan makluman kepada para penderma dan perkara yang lebih sukar bagi pihak pengelola ialah mendapatkan keizinan daripada kesemua mereka. Ini kerana sebahagian daripada penderma adalah individu yang tidak dikenali, tidak diketahui, tidak ditemui dan sebagainya.

Oleh itu, sebagai saranan kepada pengelola derma, umpamanya Majlis Tahlil dan Doa Arwah Sekampung, selain daripada menerangkan dengan jelas tujuan sesuatu derma itu dibuat, adalah perlu juga untuk memaklumkan kepada penderma ke mana dan bagaimana derma (kutipan) itu hendak disalurkan atau diagihkan termasuk bakinya. Umpamanya selain daripada perbelanjaan makanan dan minuman bagi Majlis Tahlil tersebut, akan juga digunakan untuk derma kepada anak-anak yatim atau fakir miskin atau lain-lain tujuan yang difikirkan munasabah oleh pengelola selama mana derma itu mendatangkan pahala kepada penderma.

Secara ringkasnya, pengelola derma, sebagai pemegang amanah, hendaklah melakukan tiga langkah berikut. Pertama, menerangkan dengan jelas kepada penderma mengenai tujuan wang derma dikutip, kepada siapa akan disalurkan atau bentuk majlis yang akan diadakan serta perkara-perkara lain yang penting untuk diketahui oleh penderma khususnya untuk niat dirinya menderma.

Kedua, semasa membuat kutipan, memaklumkan dan dalam masa yang sama

**LEBIHAN wang kutipan derma tersebut juga tidak boleh diserahkan kepada mana-mana pihak kebajikan termasuk Baitulmal atau digunakan bagi menampung perbelanjaan makanan, peralatan dan penyelenggaraan majlis meraikan bakal-bakal haji, kerana ia menyalahi tujuan asal kutipan derma tersebut dibuat dan sekali gus menyalahi niat orang-orang yang telah menghulurkan derma.**



mendapatkan keizinan daripada kesemua penderma mengenai cara penggunaan baki wang derma, jika ada, bakal digunakan, umpamanya disalurkan kepada perkara-perkara berkebiasaan lain yang bersesuaian.

Ketiga, penggunaan wang derma adalah wajib disalurkan sebagaimana niat atau tujuan penderma. Oleh itu, hendaklah dipastikan bahawa wang derma itu disalurkan terhad kepada penggunaan tertentu sahaja sepenuhnya dan tidak pada perkara yang tiada kaitan dengan tujuan derma dibuat.

Mudah-mudahan dengan melakukan langkah-langkah di atas tidak akan timbul masalah berhubung dengan kesukaran mengurus baki atau lebih wang kutipan derma menurut syarak.

# Sabar dalam menghadapi musibah

**S**ABAR dalam menghadapi musibah atau bencana seperti berlakunya kematian orang-orang yang dikasihi, kebinasaan harta benda yang tidak terduga kerana kecurian, kebakaran, gempa bumi, banjir, ditimpa penyakit dan kecacatan disebabkan kemalangan dan sebagainya merupakan sifat yang paling tinggi dan mulia.

Pada hakikatnya, sesuatu bencana atau musibah yang menimpa kepada seseorang atau sesuatu kaum itu adalah lebih merupakan satu ujian daripada Allah Subhanahu Wata'ala untuk menduga keimanan dan keyakinan seseorang Muslim itu terhadap-Nya. Imam al-Bukhari telah meriwayatkan dalam sebuah hadis daripada Anas Radhiallahu anhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah 'Azza Wajalla berfirman: Apabila Aku menguji hamba-Ku dengan buta kedua matanya kemudian ia bersabar maka Aku akan menggantikannya dengan syurga."

Selain ujian dan dugaan, ia juga ditimpakan sebagai pengajaran untuk memberi kesedaran dan keinsafan kerana telah banyak melanggar

perintah-perintah Allah, derhaka dan banyak melakukan perkara-perkara maksiat dan lupa kepada pencipta alam ini. Dalam keadaan itu, kita haruslah segera kembali ke jalan Allah dan mentaati semula ajaran dan perintah Allah bagi menghindari kemurkaan-Nya.

Bersabar dalam kemiskinan, penderitaan, kesusahan dan musibah-musibah lain yang menimpa diri seseorang ialah dengan ia mampu menahan diri dengan terus berusaha bagi mengatasinya dengan lapang dada dan ingat kepada kekuasaan Allah. Kerana itulah Islam menempatkan orang-orang yang sabar ke tingkat darjat yang tinggi dan memperoleh kemenangan walaupun dalam jangka masa yang agak lama sebagaimana dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari daripada Abu Hurairah Radhiallahu anhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud: "Barangsiapa yang dikehendaki oleh Allah menjadi baik, maka diberi-Nya penderitaan (selalu mendapat cubaan)."


Orang-orang yang bersabar dalam apa jua musibah dan penderitaan hidup yang

menimpanya adalah amat besar pahalanya sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam at-Tirmidzi, daripada Jabir Radhiallahu anhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud: "Orang-orang yang sihat pada hari kiamat, pada waktu orang-orang yang banyak menerima cubaan, diberi pahala yang besar, mereka (orang-orang yang sihat) ingin kulitnya terluka oleh pedang."

Manakala dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan Abu Daud daripada Muhammad bin Khalid, daripada ayahnya, daripada neneknya, bahawa beliau mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud: "Sesungguhnya bahawa seorang hamba, apabila suatu kedudukan sudah ditentukan Allah baginya, lalu ia tidak mampu mencapainya dengan amal, maka Allah mencubanya dengan musibah terhadap dirinya atau terhadap hartanya atau terhadap anaknya, kemudian bersabar terhadap musibah itu, sehingga Allah menyampaikan darjat baginya yang telah ditentukan-Nya itu."

Dari hadis tersebut dapatlah kita mengambil pengajaran daripada musibah yang menimpa diri seseorang itu seolah-olah merupakan satu tanda kebaikan yang akan diterimanya atau kemuliaan bagi dirinya jika ia bersabar. Musibah yang menimpa diri seseorang Muslim seperti pada dirinya sendiri, harta benda, kedudukan, keluarga dan sebagainya yang biasa terjadi kepada seseorang insan, hanyalah dapat diatasi dengan adanya kesabaran. Letaknya kesabaran adalah pada mula-mula terkena musibah dan di saat itu sekiranya seseorang dapat bersabar, maka ia akan beroleh kejayaan dan kegembiraan yang besar di sisi Allah.

Setiap orang yang dikatakan sebagai Muslim, mestilah mempunyai sifat sabar



yang hakiki, iaitu mampu menahan diri dan menghindarkannya dari apa jua perkara yang menimpanya baik yang berupa kesenangan mahupun kesusahan.

Adapun kesenangan yang diperolehi perlu disertai dengan kesabaran dari godaan syaitan yang sentiasa mengganggu seseorang dari mengingat Allah untuk kita mensyukuri nikmat dan kurnia-Nya. Ini ialah kerana godaan syaitan adalah terlalu sukar bagi orang-orang yang kurang iman untuk melawannya seperti menggoda supaya mereka terlalai dari melakukan ibadat yang diwajibkan ke atas seseorang Islam dan seterusnya tenggelam dalam kemewahan menurut hawa nafsu yang tidak wajar. Maka hanya dengan kesabaran sahajalah yang akan dapat menghindarkan kemalasan dan kelalaian dan seterusnya mengingat Allah.

Manakala kesusahan atau bencana juga perlu kepada kesabaran yang mendalam jauh dari menyesali apa yang telah diberikan oleh Allah kerana segala yang dikurniakan kepada setiap hamba-Nya adalah lebih merupakan ujian untuk menguji setakat mana keimanan dan keteguhan hati seseorang itu dalam menghadapinya.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah az-Zumar, ayat 10 yang tafsirnya: "Sesungguhnya hanya orang-orang yang bersabar sahaja akan disempurnakan pahala mereka tanpa batasan."

**BERSABAR dalam kemiskinan, penderitaan, kesusahan dan musibah-musibah lain yang menimpa diri seseorang ialah dengan ia mampu menahan diri dengan terus berusaha bagi mengatasinya dengan lapang dada dan ingat kepada kekuasaan Allah. Kerana itulah Islam menempatkan orang-orang yang sabar ke tingkat darjat yang tinggi dan memperoleh kemenangan walaupun dalam jangka masa yang agak lama.**

# Pemenang Minda Pembaca!



## Tingkat kesedaran bahaya penyakit kanser

**KANSER** didefinisikan sebagai sejenis penyakit yang disebabkan oleh pertumbuhan sel di dalam tubuh yang membesar secara tidak terkawal dan berpotensi untuk merebak dan memusnahkan tisu-tisu yang berhampiran. Kanser bermula apabila sel yang berfungsi untuk mengawal pembahagian sel-sel telah rosak dan menyebabkan pembahagian itu tidak terkawal. Terdapat lebih dari 100 jenis kanser dan kanser diklasifikasikan mengikut jenis sel kanser atau lokasi kanser itu sendiri. Kebanyakan kanser terbentuk tanpa sebab

yang jelas tetapi beberapa faktor dapat meningkatkan risiko seseorang itu untuk mendapat kanser seperti terdedah kepada Kimia Karsinogen seperti asap rokok, faktor umur, pengambilan diet yang tidak sihat, terdedah kepada radiasi atau bahan radioaktif, jangkitan virus dan genetik.

Penyakit kanser adalah di antara penyebab utama kematian tertinggi di Negara Brunei Darussalam, seramai 600 orang pesakit telah didiagnosis sebagai pesakit kanser dan hampir 200 pesakit

meninggal dunia setiap tahun. Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan, sebanyak 21.1 peratus kematian pada tahun 2013 berpunca daripada penyakit kanser. Kesan dari peratusan yang tinggi ini mampu memberikan impak negatif kepada perkembangan sosio-ekonomi keluarga serta menyebabkan beban terhadap negara dalam menanggung kos perubatan yang tinggi. Orang ramai harus diberikan kesedaran mengenai bahayanya penyakit kanser. Bukan sahaja mengenai bahaya penyakit kanser, malahan orang ramai juga mesti diberikan maklumat bagaimana untuk mencegah kanser dan mempraktikkan cara hidup yang lebih sihat.

Di antara langkah yang boleh dilakukan adalah seperti mengadakan forum-forum kesihatan untuk orang ramai. Di dalam forum ini, mereka boleh diberikan taklimat

mengenai bahayanya penyakit kanser serta cara-cara untuk mencegahnya. Forum-forum itu harus juga menyentuh mengenai pemakanan seharian di mana pemakanan seharian itu memainkan peranan penting untuk kesihatan individu itu, di samping mengamalkan cara hidup yang sihat seperti mengamalkan bersenam serta berhenti merokok bagi mereka yang merokok. Melalui forum ini, diharap orang ramai akan lebih peka serta memulai cara hidup yang lebih sihat untuk mencegah datangnya penyakit kanser.

**Nama : Dayang Nurfarhana Syafiqah binti Sulaiman**

**No. K/P : 01-056599 (K)**

**Alamat : No.18, Simpang 262-8, Jalan 10 Utara, Rancangan Perumahan Negara Lambak Kanan, BC3115, Negara Brunei Darussalam.**

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

### TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Sektor Perikanan Mampu Lonjak Ekonomi Negara'. Tarikh Tutup : 8 Mac 2017
2. 'Bersatu Padu Jayakan Wawasan Negara 2035'. Tarikh Tutup : 15 Mac 2017
3. 'Aktiviti Bina Jati Diri Bentuk Sahsiah Generasi Muda'. Tarikh Tutup : 22 Mac 2017

### Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan 15 hingga 25 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

Sidang Pengarang, Minda Pembaca  
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan  
Lapangan Terbang Lama, Berakas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam.  
atau melalui

E-mel : [pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

4. Penyertaan terbaik akan disiarkan dalam Akhbar Rasmi Kerajaan PELITA BRUNEI dan pemenang akan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND75.00.

Tunggu apa lagi... Hantarkan pendapat awda sekarang e-mel ke: [pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

# Perubahan kadar cukai import, eksais berkuat kuasa 1 April 2017

### Siaran Akhbar : Kementerian Kewangan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 7 Mac. - Kementerian Kewangan hari ini mengumumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi penyelarasan dan perubahan kepada kadar-kadar cukai import dan eksais yang akan berkuat kuasa mulai 1 April 2017.

Objektif pindaan kepada kadar cukai import dan cukai eksais ini antaranya adalah bagi mengemaskinikan struktur cukai barangan di negara ini yang akan dapat mendukung beberapa objektif utama; antaranya bagi meningkatkan daya saing iklim perniagaan dan pelaburan negara di samping memenuhi komitmen-komitmen tertentu di bawah Perjanjian-Perjanjian Perdagangan Bebas (FTAs) dengan beberapa negara sama ada secara dua hala atau berbagai hala.

Pengemaskinian kadar cukai import dan eksais ini juga turut menyasarkan kepada beberapa produk tertentu yang mempunyai beberapa matlamat, antaranya meringankan kos sara hidup terutama bagi golongan-golongan sasaran, menyasarkan penurunan harga bagi barangan tertentu bagi menggalakkan penggunaannya dan pada masa yang sama untuk mengawal penggunaan barangan tertentu dengan

matlamat untuk meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini.

Sebagai langkah untuk meningkatkan lagi perkembangan sektor swasta di negara ini, pengurangan kadar cukai import dan eksais juga akan dilaksanakan ke atas beberapa barangan bagi beberapa sektor perniagaan seperti mesin-mesin perindustrian, alat ganti bagi kenderaan berat dan jentera berat.

Di samping itu, kadar cukai barangan alat ganti dan tayar kenderaan akan dikurangkan bagi tujuan meringankan kos kepada pengguna di negara ini di samping mengetengahkan aspek keselamatan bagi para pengguna.

Manakala dari aspek kesihatan pula, kadar cukai ke atas beberapa barangan yang boleh memudaratkan kesihatan akan dinaikkan bagi mengawal permintaan pengguna, antaranya minuman atau makanan yang mempunyai kadar gula yang tinggi dan sebagainya. Langkah ini adalah selaras dengan usaha Kementerian Kesihatan dalam merealisasikan hasrat 'Bersama Ke Arah Warga Sihat'.

Dari aspek alam sekitar, kenaikan kadar cukai eksais ke atas produk plastik dan sebagainya adalah untuk mendukung usaha Jabatan Alam Sekitar, Taman dan

Rekreasi (JASTRe), Kementerian Pembangunan bagi mencapai sasaran untuk mengurangkan jumlah sisa buangan plastik yang perlu dilupuskan, kaedah penggunaan barangan kitar semula dalam kalangan masyarakat di negara ini akan lebih diberi perhatian sewajarnya yang akan dapat membantu mengurangkan pencemaran yang boleh memudaratkan kesihatan penduduk di negara ini.

Bagi tujuan mengimbangi pengurangan hasil cukai bagi barangan-barangan tertentu, cukai ke atas beberapa barangan seperti telefon bimbit, produk dari bahan kulit dan bulu binatang, alat permainan video dan lain-lain akan dinaikkan.

Bagi mendukung usaha melahirkan masyarakat yang sihat, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, melalui kerjasama Kementerian Kesihatan akan juga memperkenalkan skim bantuan kepada ibu-ibu yang baru melahirkan anak damit yang terdiri daripada rakyat dan penduduk tetap negara ini. Bantuan yang akan dihulurkan adalah seperti Pemberian lampin pakai buang kepada setiap anak damit yang baru dilahirkan bagi tempoh selama 12 bulan dari tarikh kelahiran anak damit berkenaan dan pemberian alat bantuan penyusuan susu ibu (*breast-pump*) pada setiap kelahiran atau bagi tempoh dua tahun sekali, tertakluk kepada tempoh mana

yang lebih lama.

Maklumat lanjut mengenai perubahan kadar-kadar cukai ini boleh diperolehi daripada laman sesawang Jabatan Kastam dan Eksais

Diraja [www.bdnsw.gov.bn](http://www.bdnsw.gov.bn) atau [www.tradingacrossborders.gov.bn](http://www.tradingacrossborders.gov.bn) atau menghubungi terus ke Jabatan Kastam dan Eksais Diraja melalui talian + 673 2382361.

## Penambahan institusi pendidikan formal swasta

### Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 7 Mac. - Kementerian Pendidikan memaklumkan bahawa terdapat beberapa tambahan institusi pendidikan formal swasta yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan bagi tahun 2017.

Di Daerah Brunei dan Muara ialah Sekolah Luqman Darussalam; Sekolah Riverside, Cawangan Kampung Sungai Matan; Sekolah Riverside, Cawangan Kampung Masin dan Wonder Kidz School manakala di Daerah Belait, Kindycare dan Sekolah Tadika ABC.

Sementara itu, bagi Institusi Pengajian Tinggi Swasta adalah BICPTA-FTMS Accountancy Academy; Cosmopolitan College of Commerce and Technology Sdn. Bhd. Cawangan Airport Mall; Cosmopolitan College of Commerce and Technology Sdn. Bhd. Cawangan Jaya Setia Square; Kemuda Institute Sdn. Bhd. Cawangan Beribi; Kemuda Institute Sdn. Bhd. Cawangan Kuala Belait; Kolej IGS Sdn. Bhd.; Micronet International College Cawangan Gadong; Micronet International College Cawangan Jerudong dan Laksmana College of Business Sdn. Bhd.

Ibu bapa / penjaga adalah dinasihatkan untuk mendaftarkan anak-anak mereka di sekolah yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan. Untuk makluman, elau pelajaran hanya akan dapat dituntut bagi pelajar-pelajar yang bersekolah di sekolah-sekolah yang berdaftar iaitu seperti senarai di atas sahaja.

Senarai sekolah-sekolah yang berdaftar di atas adalah berdasarkan data pada 6 Mac 2017.

# Kukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan pelajar

Oleh : Saerah Haji Abd Ghani  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 6 Mac. - Penghayatan dan pemahaman dalam kalangan generasi muda terhadap lagu kebangsaan dan Bendera Negara Brunei Darussalam perlu diserapkan pada diri mereka agar semangat patriotik tidak akan pernah luntur sedari awal.

Sehubungan itu, Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian

Kenegaraan dan Kemasyarakatan hari ini memberikan Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' di Sekolah Menengah Katok, di sini.

Lebih 180 pelajar mendengarkan sesi Taklimat Kenegaraan disampaikan oleh Pegawai Penerangan selaku Ketua Unit Kenegaraan,

Dayang Hajah Hamsah binti Dato Kerna Haji Jaya yang antara lain menjelaskan, bendera merupakan lambang negara, iaitu sejarah bermulanya bendera rasmi Negara Brunei Darussalam pada 1959.

Selain itu, beliau juga menyentuh mengenai bendera rasmi peribadi dan orang-orang yang dikurniakan gelaran serta bendera jabatan kerajaan yang berpakaian seragam.

Taklimat juga diisikan dengan peranan bendera kepada negara iaitu bagi menyemarakkan hari-hari kebesaran negara; menanamkan

semangat patriotisme dan nasionalisme; mendukung falsafah negara Melayu Islam Beraja; mengukuhkan perpaduan dalam kalangan rakyat dan penduduk serta menyemai perasaan cintakan bangsa, agama, raja dan negara.

"Waktu-waktu menaikkan bendera pula adalah pada hari-hari tertentu seperti Hari Kebangsaan dan Hari Keputeraan atau hari-hari istiadat yang besar yang mana dimulai dengan pengibaran bendera besar dan orang ramai hanya mengibarkan bendera pada hari-hari tertentu yang lazimnya

diumumkan melalui Radio dan Televisyen Brunei dan akhbar-akhbar seperti Pelita Brunei," ujarnya.

Beliau juga menyentuh mengenai makna lambang panji-panji yang terdapat pada Bendera Negara Brunei Darussalam yang mengandungi Bendera dan Payung Ubur-ubur, Sayap, Tangan atau Kimhap dan Bulan yang terdapat cogan kata bahasa Arab yang bermaksud 'Sentiasa Membuat Kebajikan Dengan Petunjuk Allah'.

Turut disentuh ialah mengenai cara-cara penghapusan Bendera Negara Brunei Darussalam dengan betul. Ia hendaklah dihapuskan dengan cara dibakar dan abunya dibuang ke laut atau ditanam ke dalam tanah.

Sementara itu, ujar beliau, bagi penghapusan alat-alat pecah belah yang mengandungi Panji-Panji Kerajaan, ia hendaklah dipecahkan atau dihancurkan dan juga dibuang ke laut atau ditanam ke dalam tanah.

Program ini disasarkan kepada para pelajar di seluruh negara yang bertujuan untuk mengoptimalkan penghayatan dan pemahaman khususnya dalam kalangan pelajar terhadap lagu kebangsaan dan bendera negara ke arah kesedaran hidup berbangsa, beragama dan berdasarkan falsafah negara MIB.

Ia juga bertujuan untuk menyemai perasan cintakan bangsa, agama, raja dan negara serta mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri para pelajar melalui lagu kebangsaan dan bendera negara di samping untuk memapankan usaha-usaha yang telah sedia ada dalam menggalakkan para pelajar untuk menghormati serta menjiwai lagu kebangsaan dan bendera negara.



PEGAWAI Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Dato Kerna Haji Jaya bergambar ramai bersama para guru dan penuntut Sekolah Menengah Katok selepas Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' diadakan.

## JIPK perkenalkan Perkhidmatan Tempahan Awal

Siaran Akhbar : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 6 Mac. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) akan memperkenalkan Perkhidmatan 'Tempahan Awal' bagi tarikh dan masa untuk orang ramai membuat permohonan baharu dan membaharui pasport atau dokumen perjalanan Negara Brunei Darussalam.

Melalui Perkhidmatan Tempahan Awal ini, orang ramai hanya perlu untuk menghubungi Bahagian Dokumen Perjalanan melalui talian telefon 2381856 atau 2382257 dan seterusnya menempah awal slot masa pada tarikh bersesuaian bagi membuat permohonan pasport.

Panggilan bagi membuat tempahan awal (*booking*) boleh dibuat sekurang-kurangnya sehari sebelum cadangan tarikh membuat permohonan pasport. Waktu bagi menerima panggilan untuk membuat tempahan adalah dari jam 8.30 pagi sehingga 11.30 pagi.

Untuk peringkat permulaan ini, perkhidmatan ini hanya akan dilaksanakan di Ibu Pejabat, JIPK, Bandar Seri Begawan.

Bagi memastikan pelaksanaan Perkhidmatan Tempahan Awal ini

berjalan dengan baik dan teratur, JIPK akan terlebih dahulu melaksanakan Perkhidmatan Tempahan Awal ini secara rintis bermula hari Selasa, 7 Mac 2017.

Orang ramai bolehlah mendapatkan keterangan lanjut mengenai tatacara dan garis panduan mengenai dengan perkhidmatan tersebut melalui telefon 2381856 atau 2383357 semasa waktu pejabat atau melayari laman sesawang JIPK di [www.imigration.gov.bn](http://www.imigration.gov.bn).

Dalam hubungan ini juga, JIPK ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa perkhidmatan bagi permohonan pasport secara *walk-in* sepertimana yang dibuat sebelum ini akan masih dijalankan seiring dengan Perkhidmatan Tempahan Awal ini.

Di samping itu juga, bagi kategori-kategori pemohon iaitu (1) Warga emas berumur 60 tahun ke atas, (2) Kanak-kanak berumur 5 tahun ke bawah, (3) Orang Kurang Upaya (OKU), (4) Permohonan pasport Diplomatik dan Rasmi, dan (5) Gantian pasport yang dilaporkan hilang atau rosak, permohonan bagi membuat atau membaharui pasport berkenaan boleh dibuat dengan hadir

terus (*walk-in*) ke JIPK dan permohonan mereka akan dikendalikan secara *fast-track* di kaunter-kaunter khas yang telah disediakan.

Dalam kesempatan ini, JIPK memaklumkan bahawa setiap menjelang musim cuti penggal persekolahan, permohonan orang ramai untuk mendapatkan pasport juga turut meningkat daripada hari-hari biasa.

Dalam hubungan ini, JIPK ingin menasihatkan orang ramai yang berhasrat untuk membuat perjalanan ke luar negara supaya akan dapat membuat perancangan lebih awal dengan membuat atau membaharui pasport lebih awal bagi mengelakkan sebarang kesulitan dan masalah.

JIPK juga menasihatkan orang ramai yang akan membuat perjalanan ke luar negara supaya memastikan setiap dokumen perjalanan mereka adalah di dalam keadaan baik dan masih mempunyai tempoh sah laku sekurang-kurangnya 6 bulan sebelum mansuh dan juga masih mempunyai ruang muka surat kosong yang mencukupi untuk mengelakkan sebarang masalah dan kesulitan semasa membuat urusan bagi membuat perjalanan ke luar negeri.

## Persembahan muzik tempatan Sabtu ini

Siaran Akhbar : Taman Permainan Jerudong

**JERUDONG**, Isnin, 6 Mac. - Jerudong Park Amphitheatre akan mengadakan 'JP Music Scene Fiesta' dengan menampilkan beberapa artis muzik tempatan berbakat pada hari Sabtu, 11 Mac.

Menurut Siaran Akhbar Taman Permainan Jerudong, dengan hanya bayaran BND2.00 seorang, orang ramai boleh menyaksikan persembahan muzik daripada Hill Zaini, Raudhah dan Ainul, Syafiq Abdillah, FN Duo dan Juan Madial.

Selain itu, persembahan muzik tersebut akan dimuatkan dengan pertunjukan band instrumental oleh sebuah kumpulan band Transtate.

Persembahan tersebut akan bermula pada jam 8.00 malam dan tiket bolehlah dibeli di Gate 8 Jerudong Park Amphitheatre.

## JPMC anjur forum kehamilan sihat 17 Mac depan

Siaran Akhbar : Pusat Perubatan Jerudong Park

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 6 Mac. - Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC) akan menganjurkan satu forum bertajuk 'Perjalanan ke kehamilan sihat' sempena Hari Wanita Antarabangsa yang disambut pada 8 Mac setiap tahun.

Forum itu akan diadakan pada hari Jumaat, 17 Mac 2017, bermula jam 2.30 petang hingga 5.00 petang di Indera Kayangan Ballroom, The Empire Hotel and Country Club melibatkan perbincangan dengan para ibu dan pakar-pakar di JPMC tentang bagaimana untuk menjaga diri dan anak damit selama kehamilan dan sebagainya.

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk hadir ke forum tersebut di mana kemasukan adalah percuma.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi Jabatan Pemasaran JPMC melalui talian 2611433 sambungan 2191 atau e-mel kepada [marketing@jpmc.com.bn](mailto:marketing@jpmc.com.bn).

# Al-Quran temanku menceriakan hidupku



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1437 Hijrah/2016 Masihi.

**M**AKA akan bergemalah kemerduan alunan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh seramai kira-kira 12 peserta peringkat akhir Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewan bagi Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi memenuhi ruang Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, iaitu pada 7 Mac hingga 9 Mac 2017 selama tiga malam berturut-turut. Seramai empat peserta memperdengarkan bacaan mereka pada hari pertama dan lapan orang lagi pada hari kedua.

#### HURAIAN TEMA

Musabaqah bukanlah arena untuk mempertandingkan suara dan lagu, malah ia lebih kepada satu seruan untuk mengajak dan membimbing jiwa supaya mendengar ayat-ayat Allah, memahami dan menghayatinya untuk menjejaki hidayah dan rahmat-Nya. Ia juga merupakan motivasi yang berkat yang mampu menyuntik kegembiraan dan ketenangan hati dan jiwa para hamba yang tiada ragu terhadap kebenaran Al-Quran. Kerana sifat Al-Quran itu sebagai pembimbing ke jalan kebenaran, wajarlah Al-Quran itu sentiasa didampingi dan tidak sekali-kali dilepaskan agar menjadi benteng dan kubu dari ajakan yang sesat. Ini jelas bertepatan dengan tema Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan tahun ini, iaitu 'Al-Quran Temanku Menceriakan Hidupku'.

Di dalam ayat 27-30 dari Surah Al-Furqan, Allah Subhanahu Wata'ala mengisahkan keadaan orang yang mengabaikan Al-Quran, yang bermaksud : "Dan pada hari orang yang zalim menggigit kedua-dua tangannya

(kerana menyesali perbuatannya) sambil berkata: Alangkah baiknya kalau aku (semasa di dunia dahulu) mengambil jalan yang benar bersamasama rasul (27). Aduhai celakanya aku! Alangkah baiknya kalau aku tidak mengambil si polan (yang menyesatkan) itu menjadi sahabat yang setia (28). Sesungguhnya dia telah menyesatkan aku daripada peringatan (Al-Quran) setelah disampaikan kepadaku. Dan adalah syaitan itu sentiasa mengecewakan manusia (29). Dan Rasul berkata : Ya Tuhanku! Sesungguhnya kaumku telah menjadikan Al-Quran ini (sesuatu) yang ditinggalkan (diabaikan) (30)."

Ironinya kisah dari ayat-ayat berkenaan ialah bilamana manusia mengabaikan keakraban dengan Al-Quran maka akan ada yang menyamar menjadi 'sahabat' yang menyeret manusia ke penghujung jalan yang bakal mengundang penyesalan yang tiada berkesudahan. Lalu akhirnya akan terjadilah sebagaimana yang disebutkan di dalam ayat 67 Surah Az-Zukhruf, yang bermaksud : "Sahabat-sahabat yang setia pada hari itu sebahagian mereka bermusuhan dengan sebahagian yang lain kecuali orang-orang yang bertakwa." Iaitu pada hari pengadilan nanti, orang-orang yang mengabaikan ajaran Al-Quran dan orang yang disangka sahabat semasa hayat, akan saling menuding jari mencari salah malah tidak mengaku salah di antara satu sama lain. Begitulah terpedayanya orang-orang yang meninggalkan Al-Quran.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga bersabda, sebagaimana yang dituturkan oleh Abu Hurairah dan diriwayatkan oleh Muslim : "Tidaklah suatu kaum berkumpul di suatu rumah Allah, membaca kitab Allah dan mempelajarinya, melainkan akan diturunkan kepada mereka ketenangan; mereka akan diliputi oleh rahmat,

Oleh : Noriah Haji Abdul Hamid

dikelilingi oleh malaikat dan akan disebut-sebut Allah di hadapan orang-orang yang ada di sisi-Nya (para malaikat)."

Hadis ini menjelaskan bahawa Al-Quran adalah pemimpin terbaik dan seluruh isi di dalamnya mengandungi nilai pengajaran yang membuahkan rahmat kerana hala tuju hanya dengan satu niat, iaitu taat kepada Allah dan rasul-Nya semata-mata. Bertepatan pula dengan matlamat pensyiaran hukum Allah yang disebut sebagai Maqasid Syar'iah, iaitu demi memelihara agama, jiwa, akal, keturunan dan harta yang merupakan asas kesejahteraan hidup dunia dan akhirat.

#### PESERTA YANG AKAN BERTANDING DI PERINGKAT AKHIR

##### Peserta qari :

1. Awangku Muhd Adibul Amin bin Pengiran Haji Marjuki (Peserta Menunggu)
2. Awang Muhammad Hasrin bin Haji Kamis (Peserta Baharu)
3. Awang Mohammad bin Ali
4. Awang Haji Nasrul Fakhri bin Haji Yahya
5. Haji Awang Muhd Fikri bin Haji Awang Metusin
6. Awang Mohammad Zul-Hafiz bin Awang Tengah

##### Peserta qariah :

1. Dayang Siti Huzzaimah Yadey binti Haji Rosli (Peserta Menunggu)
2. Dayang Hajah Noor Dzuhairah binti Awang Haji Damit
3. Dayang Norezah binti Haji Deli
4. Dayang Hajah Nurfaezah binti Haji Emran
5. Dayang Hajah Nurul Akmalina binti Haji Yahya
6. Dayang Hajah Maidah binti Haji Abd

Rahman.

#### PENCAPAIAN DI PERINGKAT ANTARABANGSA

Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Negeri di Negara Brunei Darussalam (NBD) bermula selepas Perang Dunia Kedua kira-kira dalam tahun 1948 di zaman pemerintahan Al-Marhum Sultan Ahmad Tajuddin Akazaul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam II.

NBD mulai menyertai Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur pada tahun 1961 setelah menerima jemputan dari Negara Malaysia atau dahulunya dikenali dengan Kerajaan Malaysia. NBD telah menghantar dua qari negara, iaitu Awang Yusof bin Abdul Latif (Allahyarham Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Seri Setia Haji Awang Mohd Yusof bin Abdul Latif) dan Awang Sabtu bin Ahmad.

Pada tahun 1965, Kerajaan Malaysia telah meluaskan lagi skop Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Antarabangsa kepada penyertaan qariah dan NBD telah diwakili oleh Dayang Hajah Aminah binti Siling.

Pada tahun 1973, buat pertama kalinya negara telah meraih kemenangan di persada antarabangsa apabila qari negara, Awang Haji Mashud bin Haji Awang Damit menduduki tempat ketiga. Empat tahun berikutnya Allahyarham mengharumkan NBD di mata dunia apabila dinobatkan sebagai johan qari Musabaqah Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur pada tahun 1997 menewaskan 18 peserta negara lain.

Ke muka 23



IMBASAN KEMBALI ... Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien (Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien) ketika merasmikan Peraduan Membaca Al-Quran Peringkat Senegeri pada 16 Oktober 1969.

Dari muka 22

Selepas itu, kejayaan demi kejayaan telah diperolehi oleh qari dan qariah negara rentetan daripada usaha-usaha gigih yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam mempertingkatkan mutu bacaan Al-Quran di negara ini. Contohnya para peserta di peringkat akhir kebangsaan pada tahun ini telah mengikuti Bengkel Tarannum Al-Quran yang akan berlangsung selama dua hari iaitu pada 4 - 5 Mac 2017. Bengkel yang dihasratkan sebagai latihan kepada para peserta ini dan dibimbing oleh qari dari Republik Arab Mesir Syekh Yasser Mahmoud Abdalkalek Ahmed.

**KURSUS INTENSIF DAN PENGHARGAAN**

**1. Bengkel Tarannum Al-Quran**

Sejak awal tahun 2000-an, inisiatif Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Bahagian Kemajuan Syi'ar Islam mengadakan kursus intensif dan bengkel sebagai platform untuk menghalusi bacaan dan mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran dengan mendatangkan pakar-pakar tempatan dan luar negara. Pendedahan ini telah banyak memberikan manfaat kepada para peserta sehingga mampu mengubah era persembahan yang lebih dinamik.

Bengkel ini ternyata berjaya membimbing dan memberikan tunjuk ajar kepada qari dan qariah. Ini terbukti dari kejayaan demi kejayaan yang telah diraih oleh wakil-wakil negara sejak kebelakangan ini.

**2. Skim Penggalak Kecemerlangan Membaca Al-Quran dan Elaun Sepanjang Hayat**

Untuk menggalakkan pencapaian di dalam bidang Al-Quran dan penghargaan di atas usaha gigih dalam mengharumkan nama negara, pada tahun 1989 Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan Skim Galakan Kecemerlangan bagi wakil negara yang mendapat tempat di pertandingan antarabangsa seperti berikut :

- Johan - BND10,000
- Naib johan - BND7,000
- Tempat ketiga - BND4,000

**3. Elaun Sepanjang Hayat**

Di samping itu juga, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Ogos 2012 telah menitahkan pengurniaan Elaun Sepanjang Hayat sebanyak BND2,000 sebulan bagi johan Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur, Malaysia.

**PENUTUP**

Pertandingan Al-Quran Peringkat Kebangsaan sudah sinonim dan telah menjadi satu platform bagi melahirkan generasi Al-Quran sepertimana yang dihasratkan oleh Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagaimana petikan titah baginda semasa Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Bagi Tahun 1417 Hijrah :

"...Hasrat kita yang tinggal ialah ingin melihat generasi Al-Quran itu dikongsi sama oleh semua pihak dan golongan terutama golongan belia."

"...kerana ia adalah merupakan pakaian kita, pakaian dalam beribadat, pakaian berakidah dan pakaian dalam menjalani seluruh kehidupan ini."

Semoga hasrat ini akan semakin berkembang dengan pesat dan menjadikan negara kita sebuah negara yang baik dan mendapat pengampunan Allah Subhanahu Wata'ala (*Baladun Tayyibatun Warabbun Ghafur*) dengan menjadikan Al-Quran sebagai teman yang menceriakan kehidupan kita semua.

Pencapaian Qari dan Qariah Negara di Musabaqah Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa, Kuala Lumpur, Malaysia

Bil.	Nama	Tempat	Tahun
1.	Yang Mulia Awang Haji Mashud bin Haji Awang Damit	Ketiga	1973
2.	Yang Mulia Awang Haji Mashud bin Haji Awang Damit	Johan	1977
3.	Yang Mulia Dayang Hajah Siti Ara Binti Haji Idris	Ketiga	1978
4.	Yang Mulia Dayang Hajah Masni binti Haji Abd Manap	Naib Johan	1980
5.	Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd Yussop bin Bakar	Ketiga	1981
6.	Yang Mulia Dayang Hajah Masni binti Haji Abd Manap	Naib Johan	1983
7.	Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd Yussop bin Bakar	Ketiga	1988
8.	Yang Mulia Dayang Hajah Jamilah binti Haji Abd Manap	Ketiga	1988
9.	Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd Yussop bin Bakar	Naib Johan	1991
10.	Yang Mulia Dayang Hajah Jamilah binti Haji Abd Manap	Ketiga	1992
11.	Yang Mulia Dayang Hajah Rokiah binti Haji Ibrahim	Ketiga	1999
12.	Yang Mulia Mudim Awang Haji Metassim bin Haji Metussin	Ketiga	2001
13.	Yang Mulia Dayang Hajah Aminah binti Haji Abd Manap	Johan	2002
14.	Yang Mulia Dayang Hajah Nurfaezah binti Haji Emran	Ketiga	2008
15.	Yang Mulia Dayang Hajah Nurul Akmalina binti Haji Yahya	Ketiga	2009
16.	Yang Mulia Dayang Hajah Nurfaezah binti Haji Emran	Naib Johan	2010
17.	Yang Mulia Dayang Siti Huzzaimah Yadey binti Haji Rosli	Ketiga	2014
18.	Yang Mulia Awangku Muhd Adibul Amin bin Pengiran Haji Marjuki	Naib Johan	2016
19.	Yang Mulia Dayang Siti Huzzaimah Yadey binti Haji Rosli	Ketiga	2016

**Antara tema dan logo yang diambil dari buku-buku program**





**YANG Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim bin Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak Dr Kamaludin Al-Haj, Timbalan Pengerusi DPMM FC berkenan menyempurnakan penyampaian hadiah perlawanan kepada Ketua Pasukan J.I.P.K.**

**BERAKAS**, Isnin, 6 Mac. - Pasukan J.I.P.K. muncul juara sekali gus merebut piala pada Kejohanan 'Street Soccer' di Karnival Majalah Matchday Brunei DPMM FC 2017 selepas mengalahkan pasukan Al-Rawda dengan jaringan 3-2.

Perlawanan akhir Kejohanan Street Soccer itu menjadi tumpuan pengunjung pada hari kemuncaknya yang diadakan di tapak letak kereta Stadium Negara Hassanal Bolkiah pada Ahad kelmarin.

Timbalan Pengerusi Brunei DPMM FC, Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim bin Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Kamaludin Al-Haj berangkat menyaksikan perlawanan akhir tersebut dan seterusnya mengurniakan hadiah kepada pasukan juara.

Juara menerima trofi, pingat dan wang tunai, manakala naib juara dan tempat ketiga menerima pingat dan wang tunai.

Manakala pada sebelah malamnya pula, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Roselan bin Haji Mohd. Daud telah menyampaikan beberapa lagi hadiah

# Pasukan J.I.P.K. juara Kejohanan Street Soccer

kepada para pemenang bagi beberapa acara-acara sampingan karnival tersebut dan seterusnya menyaksikan acara penutup karnival berkenaan.

Persembahan pancaragam dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei serta penampilan maskot 'Awang Budiman' menyerikan acara pada hari terakhir tersebut.

Karnival yang julung kali diadakan

**Berita dan Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

itu telah dianjurkan oleh AKK Design, iaitu syarikat penerbit bagi Majalah Matchday Brunei DPMM FC dan disokong oleh Kelab Bola Sepak DPMM FC serta Kementerian Kebudayaan, Belia

dan Sukan.

Karnival yang bertemakan bola sepak itu telah berjaya menarik minat ribuan pengunjung yang berpeluang menyertai pelbagai aktiviti sepanjang tiga hari ia diadakan.



**TIMBALAN** Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Haji Mohd. Roselan bin Haji Mohd. Daud menyampaikan hadiah kepada para pemenang pada acara bagi beberapa acara-acara sampingan Karnival Majalah Matchday Brunei DPMM FC 2017 (atas).

**PERSEMBAHAN** pancaragam dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei serta penampilan maskot 'Awang Budiman' menyerikan lagi acara di hari terakhir tersebut selepas sahaja selesai penyampaian hadiah pemenang Perlawanan Akhir Street Soccer (kiri).

## Kejohanan Liga Remaja Bawah 16 Tahun NFABD bermula 10 Mac ini

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Azmah Haji Ahad**



**BERAKAS**, Isnin, 6 Mac. - Para peminat sukan bola sepak di negara ini khasnya para remaja sekali lagi berpeluang untuk ikut serta dalam kejohanan yang bakal mewarnai persada bola sepak negara bermula pada bulan Mac 2017 ini.

Kejohanan Liga Remaja Bawah 16 Tahun NFABD dianjurkan oleh

**AWANG** Rosdin bin Haji Abd Aziz, selaku Pengerusi Bersama Kejohanan Liga Remaja Bawah 16 Tahun Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD) semasa berucap pada mesyuarat tersebut.

Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD) dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan disokong oleh Badan Induk Bola Sepak Dunia (FIFA).

Perkara tersebut dijelaskan oleh Pengerusi Bersama kejohanan, Awang Rosdin bin Haji Abd Aziz semasa Mesyuarat Pengurus-Pengurus Kejohanan Liga Remaja Bawah 16 Tahun NFABD yang diadakan di NFABD House, Jalan Pusat Persidangan, di sini.

Kejohanan yang akan dijalankan dalam dua pusingan tersebut dibukakan kepada 14 buah pasukan di mana perlawanan pembukaan akan berlangsung pada 10 Mac depan di Kompleks Sukan Berakas bermula jam 7.00 pagi dengan sasaran penyertaan kepada para pemain yang lahir pada tahun 2001, 2002 dan 2003.

Kejohanan yang bakal berlangsung

sehingga Oktober 2017 nanti juga bertujuan bagi memberikan pengetahuan dan pendedahan kepada jurulatih-jurulatih pasukan di bawah 16 tahun serta memberikan peluang kepada pemain-pemain untuk menyesuaikan diri dengan cabaran-cabaran dalam kejohanan di samping menerapkan budaya *fair play* dalam permainan.

Empat gelanggang utama iaitu Padang 'A' dan 'B' Kompleks Sukan Menglait, Gadong; Padang Artificial NFABD, Berakas dan Padang Kompleks Sukan Sungai Kebun, Bandar Seri Begawan akan digunakan sepanjang kejohanan tersebut yang akan diadakan pada setiap Jumaat dan Ahad di mana ia dibukakan secara percuma untuk tontonan orang ramai.



**BERITA-BERITA HARIAN** BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

**'AL-QURAN TEMANKU MENCERIAKAN HIDUPKU'**

دربیتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.